

DIFFERENCE OF USING ‘URF ON GOLD JEWELLERY OF ZAKAH : A STUDY IN SELANGOR AND MALACCA

Nor Mohd Faisal bin Md Ariffin

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (Acis)

University Teknologi Mara, Kampus Bandaraya Melaka

Email: faisal859@melaka.uitm.edu.my

Abstract: Urf is an additional source for Masadir al-Tasyrik (Syarak main source) and a method used by fuqaha to determine law of matters that undisclosed by nas for qat'i or been confirmed yet. It involves variety of aspects especially in Islam. This purpose of writing is to elaborate on zakat that have connection on gold that used to be clothes or jewellery by woman. The discussion is based on many Ulama's opinions on real law of using gold as jewellery from zakat's view. Focus and emphasis will be given to conduct a research on urf's fixed rate for Malacca and Selangor at current time being. What is the most attention is the zakat on jewellery is different from other type of gold because one have their own 'illah. Analysis shows that majority Ulama' including al-Syafi'i which followed by majority Malaysian had decided a law that it is not compulsory to pay zakat on jewellery that wear by woman to celebrate their rights as written in al-Hadith. But, permissibility given by Ulama' is strict on particular rate that been decided by Urf followed he rate made by current Ulama. Research also proved that there are many difference in rate of Urf based on state practise especially in Selangor and Malacca that need to be pay attention by specific person in order to avoid curiosity in community. This issue appears to be discussed further across the diversity of fiqh created and triggered by Ulama as a reference of law by ummah, towards arising current problems and never ended. Method used by MAIS and PZM act as indicator to the rate of using current gold and will be given priority as outcomes for this research to answer the questions about difference between both state.

Keywords : 'urf, zakah, gold jewellery,

Pengenalan

Allah S.W.T. telah menerangkan dengan nyata dan jelas mengenai emas di dalam al-Quran di mana di dalamnya telah dikhabarkan tentang kewajipan mengeluarkan *sadaqah* dari sumber emas sama ada berbentuk *sadaqah* wajib seperti zakat iaitu untuk diagihkan kepada lapan golongan asnaf yang termaktub di dalam al-Quran¹ atau berbentuk *sadaqah* sunat yang berbentuk sedekah-sedekah biasa bagi tujuan *fi Sabillah* atau tujuan-tujuan kebajikan yang lain. Selain penjelasan tersebut, al-Quran juga memberi amaran kepada umat Islam yang enggan membayar zakat dengan memberi khabar gembira kepada mereka dengan azab yang pedih.² Al-quran sendiri tidak membahaskan secara terperinci mengenai kadar-kadar nisab tertentu sebagai satu keharusan bagi kewajipan mengeluarkan pelbagai jenis zakat yang terdapat dalam syariat Islam dan bentuk perlaksanaannya. Bagaimanapun, perincian tersebut telah dijelaskan oleh Rasulullah saw melalui pelbagai hadith yang sahih sebagai panduan kepada umat Islam dalam

melaksanakan ibadah zakat. Begitu juga dalam konteks hukum-hukum Islam yang lain. Al-Quran dan al-Sunnah adalah merupakan pelengkap antara satu sama lain.³

Salah satu daripada sumber zakat adalah emas. Emas adalah merupakan sejenis logam ciptaan Allah S.W.T. yang memiliki nilai yang begitu stabil sepanjang zaman. Keadaan ini dirakamkan oleh al-Quran dengan menceritakan tentang nilai emas serta memberi peringatan supaya manusia sentiasa berwaspada ketika berhadapan dengan aura emas agar tidak mudah terpengaruh dengan keseronokan dunia sehingga melupakan akhirat. Ia dapat dibuktikan dalam Surah al-Imran Allah SWT berfirman:

رَبِّنَا لِلنَّاسِ حُبُّ الْتِنَّهُوتِ مِنْ أَنْسَاءٍ وَأَتَيْبَرٍ وَالْقَنْطِيرَ الْمُنْتَظَرَةَ مِنْ
الْذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْحُلَلَ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْجُونَ وَالْحُرْثَ دُلْكَ مَنْعَ حَلْبَيَةَ الْدُّبَيَّا
وَاللَّهُ عِنْدَهُ خَسْنَ الْمَأْبِ

¹ Surah al-Taubah 9 : 60.

² Surah al-Taubah 9 : 34.

³ Muhammad Nabil Ghanayim, Abd al-Sobur Syahin (1988), *al-Risalah Lil Imam al-Syafi'i*, Qaherah: c. 1, hh. 136-137.

*"Dibiasikan kepada manusia itu cintakan kepada wanita-wanita dan anak-pinak, harta benda yang bertimbun daripada emas dan perak, kuda-kuda peliharaan yang terlatih, binatang-binatang ternakan, kebun-kebun tanaman. Semua itu adalah kesenangan dunia dan pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya"*⁴

Islam adalah merupakan agama yang tidak pernah menghalang umatnya untuk memiliki kekayaan apatah lagi sekiranya ia digunakan untuk tujuan kebaikan. Bahkan Islam sentiasa mendorong dan memberimotivasi kepada penganutnya untuk menjadi kaya dan berjaya. Kekayaan dari perspektif Islam bukan sahaja dari sudut harta semata-mata, malah merangkumi juga kekayaan dari sudut keilmuan dan keimanan.

Harta yang dimiliki oleh orang kaya padanya ada hak orang miskin. Kewajipan berzakat atas segala harta yang dimiliki adalah untuk diagihkan kepada orang miskin adalah bagi merapatkan sedikit jurang antara orang miskin dan orang kaya. Ia juga dapat menyatukan ukhwah Islamiah dan mengikat kasih sayang sesama mereka. Ini adalah merupakan simbol perpaduan yang dianjurkan oleh Islam. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِلْسَّارِيلِ وَالْمَحْرُومِ ﴿١٩﴾

*"Dan pada harta-harta mereka itu ada hak bagi orang miskin yang meminta-minta dan orang miskin yang tidak meminta-minta."*⁵

Zakat adalah perintah Allah yang mempunyai hikmah yang besar untuk komuniti Islam sejagat. Kadar zakat yang dikenakan oleh syarak adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan harta yang masih tersimpan oleh pemilik selepas menolak semua kadar peratusan zakat yang wajib dikeluarkan. Inilah juga merupakan salah satu bukti keperihatinan Islam terhadap golongan kaya dan hartawan. Keengganan seseorang muslim untuk tunduk kepada perintah zakat boleh menggundang kemurkaan Allah SWT sepetimana yang terkandung di dalam firmanNya.

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُوهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ
فَبَشِّرُهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

*"Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan azab yang pedih."*⁶

Dalam Islam, zakat adalah merupakan salah satu instrumen yang utama dalam arkan al-Islam al-Khamsah. Ia difardhukan pada bulan syawal

tahun kedua selepas hijrah Nabi saw ke Madinah al-Munawwarah⁷ Ia bukan sekadar membantu menghasilkan dana untuk menyelesaikan masalah orang-orang yang berada dalam kesusahan dan kesulitan, malahan dapat menguatkan aktiviti-aktiviti dakwah serta membiayai jihad fi sabillillah.⁸ Kepelbagai fungsi yang terdapat pada zakat telah meletakkannya pada kedudukan yang unik sehingga para ulama membahaskan tentang tajuk zakat bukan sahaja dalam bab ibadat, tetapi juga dalam urusan pentadbiran negara.⁹ Menurut al-Zuhaily, kepentingan rukun Islam yang keempat ini dapat difahami melalui gandingan ayat zakat dan solat yang terdapat di dalam al-Quran di mana ia boleh dilihat di 82 tempat dalam surah dan ayat yang berlainan.¹⁰ Inilah paparan yang menunjukkan kedudukan zakat bagi panduan umat Islam seluruh dunia supaya mentaati perintah mengeluarkan zakat tanpa sebarang bantahan.

Zakat Emas Perhiasan

Emas dalam konteks simpanan atau perniagaan (selain perhiasan) yang dimiliki oleh individu muslim adalah wajib dizakatkan sepetimana yang telah disepakati oleh para ulama berdasarkan dalil dari *nas*. Para ulama telah menetapkan hukum wajib mengeluarkan zakat atas emas tersebut apabila telah genap dan memenuhi syarat *hawl* selama tempoh setahun qamariyyah. Selain *hawl*, para ulama juga menetapkan bahawa logam tersebut perlu mencapai kadar nisabnya sekurang-kurangnya 85 gram timbangan emas dalam tempoh *hawl* tersebut. Ia menyamai kadar 20 *mithqal* atau bersamaan dengan 20 dinar.¹¹ Manakala kadar zakat yang perlu dikeluarkan pula adalah sebanyak *ruba'* *al-'usyur* iaitu 2.5 peratus dari jumlah emas yang dimiliki melebihi nisab. Menurut Ibn.Rusyd al-Qurtubi (520H-595H),¹² Majoriti para ulama menetapkan

⁷ Yusuf al-Qaradhawi (2000) *Fiqh al-Zakah, Dirasat Muqaranah Li Ahkamih Wa Falsafatih Fi Dauiy al-Quran wa al-Sunnah*, Beirut: Muassasah al-Risalah, j. 2, c. 24, h. 7.

⁸ Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*, Dewan Bahasa & PustakaKL.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Wahbah al-Zuhaily (1985), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Damsyik: Dar al-Fikr,c. 2, j. 2, h. 733

¹¹ al-Zuhayli, Wahbah (1985), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, op.cit. h. 741.

¹² Ibn. Rusyd al-Qurtubi, Abi al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad (2006), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Tahqiq: Haytham Jum'ah Hilal, Beirut: Muassasah al-Ma'arif, h. 246.

⁴ Surah al-Imran 3 : 14.

⁵ Surah al-Zhariyat 51 : 19

⁶ Surah al-Tawbah (9) : 34

bahawa zakat diwajibkan ke atas emas, sekiranya cukup timbangannya sebanyak 20 dinar secara *ain* atau sebanyak 200 dirham (perak). Ini adalah pendapat dari mazhab Maliki, Syafi'i, Abu Hanifah dan Ahmad.¹³ Fakta yang menjelaskan tentang nisab zakat emas sebanyak 20 dinar adalah berdasarkan al-Hadith dari 'Ali bin Abi Talib yang mengatakan Nabi saw bersabda:

فإذا كانت لك مائتا درهم وحال عليها الحول ففيها خمسة دراهم. ليس عليك الشيء - يعني في الذهب - حتى يكون لك عشرون دينارا. فإذا كان لك عشرون دينارا وحال عليها الحول ففيها نصف دينار فما زاد فيحاسب ذلك

"Apabila kamu memiliki 200 dirham (perak) dan telah berlalu bawinya, maka bagi kamu zakat sebanyak 5 dirham. Tidak ada apa-apa kewajiban atas kamu (yakni emas) sehingga kamu memiliki sebanyak 20 dinar. Maka apabila telah kamu memiliki sebanyak 20 Dinar dan telah berlalu bawinya, maka dan bagi setiap 20 Dinar itu zakatnya adalah sebanyak setengah Dinar. Maka apa yang lebih dari itu adalah mengikut kiraan yang serupa." (Hadith riwayat Abu Daud)¹⁴

Menurut Imam Malik (1985),¹⁵ berdasarkan dalil dari al-Sunnah, maka tiada khilaf atau pertikaian yang berlaku di sisi para ulama, bahawa zakat adalah diwajibkan pada ketentuan emas sebanyak 20 dinar secara *ain*, seperti mana ia juga diwajibkan ke atas harta sebanyak 200 dirham (perak). Menurut Muhammad Sulayman al-Ashqar (2004)¹⁶, nisab emas 20 dinar adalah ditentukan berdasarkan kepada amalan Para Sahabat r.a. yang berbuat demikian seperti mana yang diambil daripada amalan Rasulullah saw ketika hayat Baginda, namun ia tidak disampaikan secara *lafzi* kepada umat terkemudian. Kedudukannya adalah berstatus Ijmak.¹⁷ Menurut al-Nawawi (2000),¹⁸ Timbangan *mithqal* yang disebutkan di dalam al-

¹³ Malik bin Anas (1985), *al-Muwatta'*, Ta'liq : Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 246.

¹⁴ Abi Daud Sulayman Ibn al-Asy'ath al-Sajastani (t.t.) *Sunan Abi Daud*, op.cit, h. 271.

¹⁵ Malik bin Anas (1985), *al-Muwatta'*, op.cit.

¹⁶ Muhammad Sulayman al-Ashqar (2004), *Abbatu Fiqh Bayyah fi Qadaya al-Zakah al-Mu'asirah*, op.cit, h. 9.

¹⁷ Menurut penulis, nisab emas dan perak adalah ditetapkan oleh syarak dan kadarnya pula telah diijmakkkan secara sepakat oleh para ulama. Walau bagaimanapun, dalil hadith yang benar-benar sahih dan jelas hanya tertumpu kepada perak dan tidak kepada emas. Nisab emas adalah berdalilkan kepada amalan Para Sahabat secara Ijmak. *Ibid.* Sulayman al-Ashqar (2004), h. 9.

¹⁸ Abi Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawi al-Dimasyqi (2000), *Rawdah al-Talibin*, op. cit, h. 118.

hadith, adalah merupakan suatu timbangan yang telah diketahui umum dan masyhur di kalangan masyarakat pada ketika itu bermula sejak zaman *jahiliyyah* hingga ke zaman Islam bertapak. Malah kadar tersebut telah diittifaqkan secara Ijmak sama ada di zaman Bani *'Umayyah* atau di zaman 'Umar *al-Khattab*.¹⁹

Sekalipun fuqaha' bersepakat mewajibkan zakat emas simpanan dan lain-lain bentuk transaksi emas, namun mereka sangat berbeza pendapat mengenai kewajipan mengeluarkan zakat emas berbentuk perhiasan. Ada golongan yang memegang kepada wajib zakat atasnya sama seperti emas-emas yang lain, namun ada juga pendapat yang berpegang kepada tidak wajib zakat. Golongan ulama yang memegang kepada hukum wajib zakat telah menetapkan bahawa kadar nisab bagi emas perhiasan adalah sama seperti emas berbentuk perniagaan dan simpanan.²⁰ Pandangan ini berdalilkan maksud umum hadith yang sama dipegang oleh jumhur tetapi berbeza dari sudut tafsirannya sahaja.

Walau bagaimanapun, pandangan yang terpilih adalah pandangan daripada majoriti para ulama yang bersepakat kepada hukum sebaliknya. Pada dasarnya mereka berpendapat bahawa tidak wajib zakat atas emas perhiasan. Selain menggunakan hujah dari al-Hadith, mereka juga berhujah menggunakan hujah '*agli*' yang mengatakan bahawa kaum wanita adalah makhluk ciptaan Allah yang tidak boleh dipisahkan dengan perhiasan. Mereka menganggap perhiasan sebagai pakaian untuk kegunaan harian. Oleh itu, Mana mungkin sesuatu yang dipakai untuk kegunaan sendiri itu perlu dikeluarkan zakat. Menurut al-Qaradhawi pandangan yang mengatakan tidak dikenakan zakat adalah merupakan pandangan yang paling kuat dan *rajih* serta lebih *asah*.²¹

¹⁹ *Ibid.* hh. 117-118.

²⁰ Pandangan ini dipegang dan oleh al-Imam al-Hanafi. Menurut beliau, zakat diwajibkan atas semua emas perhiasan sama seperti emas simpanan dan lain-lain. Pandangan ini direkodkan oleh al-Kasaniy (t.t.) dalam *Bada'ie al-Sanda'ie*, Qaherah: Matba'ah al-Imam Jil 2, hal. 251. Begitu juga pandangan yang sama telah diriwayatkan oleh 'Umar, Ibn Mas'ud, Ibn 'Abbas, Abdullah ibn Amr ibn Ars, Jabir ibn Zaid, Abdullah ibn Syaddad, Sa'id ibn Musayyab, Sa'id ibn Jubair, Mujahid, 'Atha', Ibn. Sirin, Maimun ibn Mihran, al-Thaury, Ibn. 'Abbas, al-Zuhri dan yang lain-lain yang direkodkan oleh Ibn. Qudamah dalam *al-Mughni* (1997) c. 3, j. 4 h. 220.

²¹ Yusuf al-Qaradhawi (2000), *Fiqh al-Zakah*, Dirasah

Selain itu, zakat sepetimana yang telah sedia maklum adalah diwajibkan kepada harta yang boleh memberikan keuntungan kepada pemilik. *Illah* atau sebab mengapa zakat itu wajib dikeluarkan adalah kerana harta tersebut adalah merupakan aset yang boleh berkembang sehingga boleh memberikan penambahan ke atas harta yang dimiliki.²² Justeru, mana-mana bentuk harta yang dimiliki sama ada dari perhiasan emas, haiwan ternakan, peralatan, kenderaan, pakaian dan sebagainya yang tidak memberi maksud berkembang adalah tidak dikenakan zakat kerana sifatnya bukan lagi bertujuan komersial bagi mendapatkan penambahan ke atas harta.²³ Hujah ini dipegang jumhur yang bersandarkan kepada *nas* dari al-Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dan al-Daraqutni dengan memetik kata-kata dari sabda Nabi saw :

ليس في الحلي زكوة

“Tidak dikenakan zakat pada perhiasan emas”.

(Riwayat al-Bayhaqi dan al-Daraqutni)²⁴

Mereka juga berpegang kepada riwayat dari al-Aisyah seperti berikut:

ان عائشة زوج النبي صلى الله عليه وسلم كانت تلي بنات اخيها يتامى

في حجرها لهن الحلي فلا تخرج من حليهن الزكوة

“Sesungguhnya Aisyah yang merupakan isteri kepada Nabi saw pernah mempunyai anak-anak saudara perempuannya yang yatim di bawah jagaannya, di mana mereka memakai perhiasan emas tetapi beliau tidak mengeluarkan zakat bagi perhiasan tersebut. (Diriwayatkan oleh Imam Malik)²⁵

Pandangan ini dipegang oleh imam-imam mazhab yang masyhur iaitu dari Mazhab Maliki yang dirakamkan dalam kitab *al-Muwatta'*,²⁶ begitu juga pandangan yang sama di pegang oleh Hambali atau Ahmad bin Hambal yang dirakamkan dalam kitab *al-Mughni*,²⁷ dan juga dipegang oleh Syafi'i yang dicatatkan di dalam kitab *al-Umm*, *al-Muhadhab* dan

Muqaranah Liyahkamiba Wa Falsafatiba Fi Daniy al-Quran Wa al-Sunnah, Muassasah al-Risalah, Beirut, j. 2, c. 24, h. 292.

²² Al-Zuhaily (1994), *Ibid.* h. 856.

²³ al-Zuhayli, Wahbah (1994), *op.cit.* h. 856.

²⁴ Abi Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawi al-Dimasyqi (1996), *al-Majmu'*, c. 1, j. 6, Beirut: Dar al-Fikr, h. 32. al-Daraqutni, al-Imam al-Hafiz'Ali bin 'Umar (1996), *Sunan al-Daraqutni*, h. 92.

²⁵ Malik bin Anas (1985), *al-Muwatta'*, Ta'liq : Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 220. Nihaya Rabii (2000), “Ahkam al-Hulli fi al-Fiqh al-Islami” (Tesis Master, University Of Jordan) h. 124.

²⁶ *Ibid.*,Malik bin Anas (1985), h. 250.

²⁷ Ibn Qudamah (1997), *op.cit.* h. 220.

al-Majmu'.²⁸ Walau bagaimanapun, pandangan yang dipegang oleh jumhur (mengatakan tidak wajib zakat) adalah terikat dengan syarat-syarat tertentu, iaitu emas yang dipakai tidak perlu dizakatkan kecuali jika jumlah yang dipakai adalah melebihi ‘urf. Kadar nisab zakat tersebut juga adalah berubah-ubah dan tidak tetap sepetimana emas simpanan kerana hukum tersebut perlu dirujuk kepada ‘urf masyarakat yang melibatkan realiti dan budaya pemakaian semasa di sesebuah tempat.²⁹

Peranan ‘Urf dalam Konteks Zakat

Menurut Abd al-Wahab al-Khallaf (1970), di dalam teks al-Quran dan al-Sunnah terdapat dua jenis dalil yang dipegang oleh para ulama dalam konteks pembinaan hukum dalam Islam. Dalil-dalil tersebut adalah yang bersifat *qat'i* (jelas dan terperinci) dan yang juga bersifat *zhanni* (perlukan kepada ijтиhad dan takwil dari para ulama).³⁰ Mana-mana isu yang ditunjukkan oleh nas melalui pelbagai dalil yang bersifat *qat'i* maka hukumnya adalah *mustaqir* (tetap) dan tidak boleh berubah atau diubah oleh sesiapa sahaja sekalipun oleh mujtahid. Keadaan ini adalah berbeza dengan apa-apa isu yang ditetapkan oleh nas secara *zhanni* kerana ia sangat perlukan kepada ijтиhad. Tanpa peranan ijтиhad, hukum tersebut akan tergantung dan sukar untuk difahami kerana dalil *zhanni* ini mempunyai pelbagai maksud yang sangat perlukan kepada pencerahan dari kalangan ulama selain kebergantungannya kepada dalil-dalil nas yang umum.³¹

Dari aspek ijтиhad, para ulama telah menyusun pelbagai kaedah seperti al-‘urf, al-istihsan, al-istishab, al-masalih al-mursalah, al-Qiyas, sad al-zara'i' dan sebagainya untuk dijadikan sumber hukum bagi menyelesaikan masalah masyarakat tetapi dengan syarat tidak boleh sesekali membelaikan nas. Oleh itu, mana-mana hukum berdasarkan ‘urf yang

²⁸ al-Sirazi, Abi Ishaq (1992), *al-Muhadhab*, Damsyik : Dar al-Qalam, j. 1, c. 1, h. 520-521. Rifa'ah Fawzi 'Abd al-Mutallib (2001), *al-Umm li al-Imam Muhammad Idris al-Syafi'i*, Mansurah: Dar al-Wafa', c. 1, j. 3, hh. 103-104. Al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahyu al-Din bin Syaraf (1996), *al-Majmu'* *Syarh al-Muhadhab*, c. 1, j. 6, Beirut : Dar al-Fikr, hh. 25-30.

²⁹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, *Ibid.* h. 193.

³⁰ Yusuf al-Qaradhawi (1996) *Fi Fiqb al-Awlaviyat*, Qaherah: Maktabah Wahbah, h. 76.

³¹ Abd al-Wahab al-Khallaf (1970), *Masadir al-Tasyri' al-Islami Fi mala Nasso Fibi*, Kuwait: Dar al-Qalam, c. 2, h. 11

berlawanan dengan kandungan nas maka tiada keraguan lagi bahawa ianya ditolak oleh Islam. Menurut al-Qaradhawi (1997),

*'Dalil al-Quran yang bersifat zhanni itu secara tidak langsung adalah merupakan isyarat dan dorongan daripada al-Quran kepada para mujtahid supaya berijtihad terhadap hukum yang tidak jelas kedudukannya dalam nas. Ijtihad dalam konteks ini adalah untuk menjamin kesinambungan antara kepentingan umum dan objektif syariah.'*³²

Pengiktirafan 'urf di sisi Islam adalah bersifat tambahan kepada sumber utama yang telah sedia ada. Sumber utama yang telah disepakati oleh jumhur ulama adalah al-Quran, al-Hadith, al-Ijma' dan al-Qiyas yang wajib diikuti oleh semua umat dengan cara mengikut susunan yang pertama, kedua dan seterusnya.³³ Secara terperinci dapat dirumuskan bahawa Al-Quran dan al-Sunnah adalah merupakan sumber yang telah dipersetujui secara total oleh semua barisan ulama-ulama dan seluruh umat Islam sepanjang zaman tanpa wujud sebarang pertikaian.³⁴ Manakala sumber yang lain seperti al-Ijma' dan al-Qiyas pula adalah sumber yang disepakati oleh sebahagian besar para ulama dan terdapat sebahagian kecil yang menolak untuk dijadikan sebagai sumber utama.³⁵ Manakala sumber-sumber yang lain seperti al-istihsan, al-istishab, al-masalah al-mursalah atau al-istislah, al-'urf, dan sebagainya mengundang beberapa perbezaan dan merupakan dalil yang tidak disepakati oleh semua ulama.³⁶ Dalam konteks 'urf, khilaf yang wujud di kalangan ulama bukanlah kerana menolak kehujahannya tetapi lebih kepada sejauhmana 'urf mempunyai autoriti bagi menentukan hukum. Kalau dikaji secara menyeluruh berkaitan penentuan hukum fiqh dalam Islam maka kita dapat lihat secara tidak langsung bahawa 'urf sebenarnya telah diterima pakai oleh semua mazhab tanpa ada

pengecualian.³⁷

'Urf Sebagai Ijtihad

Tiada keraguan, bahawa Syariat Islam adalah merupakan sebaik-sebaik syariat yang paling sempurna dibawa oleh Rasulullah saw bermula dari penurunan al-Quran kepada manusia sebagai sebuah kitab menjadi petunjuk serta rahmat kepada sekelian alam.³⁸ Seterusnya syariat pula dilengkapi dengan Sunnah Baginda sendiri yang menafsirkan apa yang terkandung di dalam kitab suci al-Quran. Peribadi dan akhlak baginda adalah merupakan al-Quran dari sudut praktikal dan realitinya.³⁹ Keduaduanya adalah sumber utama yang menjadi rujukan umat Islam seluruh dunia. Setelah itu syariat Islam dikuatkan pula dengan ijma' dan ijtihad oleh fuqaha'. Ulama berijtihad untuk mengintisarkan hukum tentang masalah furu' yang diambil dari dalil-dalil yang terperinci bagi menentukan hukum kepada perkara-perkara yang tidak nas sama ada dari al-Quran atau al-Sunnah. Situasi ini hanya dibenarkan kepada hukum yang melibatkan masalah cabang atau furu' sahaja. Jika benar ijtihad yang dikeluarkan oleh ulama maka baginya dua pahala, jika salah baginya pula satu pahala.⁴⁰ Jumhur ulama menerima ijtihad sebagai sumber hukum dalam Islam yang melibatkan sumber tambahan seperti 'urf dan sebagainya. Mereka berdalilkan kepada beberapa hadith dari Rasulullah saw yang mengiktiraf sumber ini sepertimana yang diriwayatkan oleh Muaz ibn Jabal ketika Rasulullah saw menghantar beliau menjadi Qadi di Yaman. Berikut adalah merupakan hadithnya.

كيف تقضي يا معاذ اذا عرض لك قضاء؟ قال : اقضى بكتاب الله
قال : فان لم تجد في كتاب الله : قال فبسنة رسول الله : قال : فان
لم تجد في سنة رسول الله؟ قال : قال اجتهد برأيي ولا الو - اي لا
اقصر في الاجتهاد - فضرب رسول الله صلى الله عليه وسلم على صدره

³² Yusuf Al-Qaradhawi, (1997), *al-Sohwah al-Islamiyah wa Humum al-Watan al-'Arabi al-Islami*, Qaherah: Maktabah Wahbah, hal. 50-55

³³ Wahbah al-Zuhaily (1998), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Dar al-Fikr al-Arabi, c. 2, j. 1, h. 417.

³⁴ Al-Bazdawy, *Usul*, j. 1, hh. 21-23, lihat juga Al-Syatibi (t.t.), *al-Muafaqat*, j. 3, hh. 41-43. lihat juga Abd al-Kareem Zaidan (2001), *al-Wajiz Fi al-Usul al-Fiqh*, Muassasah al-Risalah, c.7, hh. 152-162.

³⁵ Abdul Karem al-Zaidan (2001) , *Ibid*. h. 48.

³⁶ Abdul Wahhab khallaf (1995) 'Ilm Usul al-Fiqh, Qaherah: Madinah Nasr, Dar al-Fikr al-Arabi. H. 85. Lihat juga Al-Zuhaily (1998), *Usul al-Fiqh al-Islami*, *Ibid*. c. 2, j. 1.

³⁷ Syihab al-Din Abu al-'Abbas Ahmad Idris al-Qarrafy (t.t.) *Syarh Tanqih al-Fusul fi Ikhtisar al-Mabsul fi al-Usul*. Tahqiq: Taha Abd al-Rauf Qaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah. H. 194

³⁸ Surah al-'Araf 9: 203. Al-Baqarah 2: 2.

³⁹ Ia adalah merupakan hadith yang diriwayatkan oleh muslim ketika mana Ummu Mukminin Aisyah r.a. ditanya tentang akhlak Baginda s.a.w. Maka beliau telah berkata: Sesungguhnya Akhlak Nabi itu adalah al-Quran.

(عن ام المؤمنين عائشة لما سئلت رضي الله عنها عن خلق النبي عليه الصلاة وسلم قالت كان خلقه القرآن)

⁴⁰ Ahmad Nahrawi Abd Salam, *al-Imam al-Syafi'i fi Mazhabibi al-Qadim wa al-Jadid*, Qaherah: Maktabah Syabab, c. h. 156.

وقال : الحمد لله الذى وفق رسول الله لما يرضى الله ورسوله.

"Wahai Muaz! Bagaimana kamu menghukum jika datang kepada kamu sesuatu masalah, jawab Muaz : Aku akan berpandukan al-Quran. Jika kamu tidak menemuinya di dalam al-Quran? Aku akan berbukum dengan Sunnah. Jika kamu tidak menemuinya dalam Sunnah? Jawab Muaz : Maka aku akan berjihad menggunakan pandanganku dan aku tidak akan bergejak. Rasulullah meletakkan tangan baginda di atas dada Muaz seraya berkata : Segala puji bagi Allah yang telah memberi jalan kepada utusan Rasulullah yang direhbainya." (Hadith riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi)⁴¹

Mereka juga berdalilkan kepada hadith lain yang riwayatkan oleh Ali bin Abi Talib seperti berikut:

بعثني النبي صلى الله عليه وسلم الى اليمن فازى قبائل الناس زيبة الاسد فاصبحوا ينظرون اليه وقد وقع فيها فتادع حول الزيبة فخر فيها رجل فتعلق بالذى يليه وتعلق اخر باخر حتى خر فيها اربعة مجرحهم الاسد فتناوله رجل برمج فطنه واتخرج القوم منها فمنهم من مات فيها ومنهم من جرح وهو حي فماتوا جميعا فقاتل قبائل الثلاثة لقبيلة الاول هاتوا دية الثلاثة فانه لولا صاحبكم لم يسقط في البغر فقالوا اما تعلق صاحبنا بواحد فنحن نؤدي دية واحد فاختلقو حتى ارادوا القتال بينهم فسرح رجل منهم الى وهم غير بعيد مني فاتينهم فقلت تريدون ان تقتلوا انفسكم ورسول الله حي وانا الى جنكم انى قاض بينكم بقضاء فان رضيتموه فهو نافذ بينكم وان لم ترضوه فهو حاجز بينكم فمن جاوزه فلا حق له حتى ياتى رسول الله صلى الله عليه وسلم فهو اعلم بالقضاء مني فرضوا بذالك فامر بهم ان يجمعوا دية تامة من الذين شهدوا البغر ونصف دية وثلث دية وربع دية فقضيت ان يعطى الاسفل ربع دية من اجل انه هلك فوقه ثلاثة ويعطى الذي يليه الصحف من اجل انه هلك فوقه واحد ويعطى الاعلى الذي لم يهلك فوقه احد الديه فمنهم من رضي ومنهم من كره فقلت تمسكوا بقضاء حتى تأتوا رسول الله صلى الله عليه وسلم فيقضي بينكم فوافقوا رسول الله صلى الله عليه وسلم باللوسم فلما قضى الصلاة جلس عند مقام ابراهيم فساروا اليه فحدثوه بحديثهم فاجتبى بيرد عليه وقال اني اقضي عليكم ان شاء الله فقال من اقصى القوم ان علي بن اي طالب قد قضى بيننا بقضاء

اليمن فقال وما هو ؟ فقصوا عليه القصة فاجاز رسول الله صلى الله عليه وسلم القضاء كما قضيت بينهم.

"Saidina Ali bin Abi Talib telah meriwayatkan: Pernah satunya masa, ketika Rasulullah saw menghantar aku ke Yaman, telah berlaku di sana satu peristiwa di mana sebuah lubang besar telah memerangkap seekor singa. Penduduk kampung berpusu-pusu datang dan berebut-rebut kerana ingin melihat singa tersebut. Tanpa diduga, akibat bertolakan tiba-tiba seorang penduduk telah terjatuh ke dalam lubang singa tersebut. ketika terjatuh, tanpa disengajakan dia pula tertarik seorang lelaki ke dalam lubang tersebut, dan orang itu pula tertarik seorang lagi, dan seorang lagi itu pulak tertarik seorang yang lain ke dalam lubang tersebut menyebabkan kempat-empat mereka dibaham oleh singa tersebut sehingga cedera dan meninggal dunia. Semua 3 qabilah dari 3 mangsa meminta agar diyat (pampasan) dibayar kepada mereka oleh qabilah dari mangsa pertama.mereka berpendapat, jika tidak kerana dia, nescaya semua orang akan terselamat. Walau bagaimanapun qabilah mangsa pertama hanya ingin membayar satu diyat sabaja kerana yang meninggal dari qabilah mereka hanyalah seorang sabaja.Mereka bertelagah sehingga hampir mencetus perperangan.Aku dipanggil oleh seseorang, kerana kebetulan berada berhampiran dengan tempat kejadian.Aku datang dan terus berkata-kata, Adakah kamu hendak berbunuh-bunuhan sedangkan Rasulullah masih hidup dan aku berada bersama dengan kamu? Oleh kerana aku Qadi di sini, maka aku sendiri yang akan menentukan hukum tentang permasalahan ini. Sekiranya kamu bersetuju dengan keputusanku maka kamu boleh melaksanakannya, jika tidak maka tunggulah sehingga kamu bertemu dengan Rasulullah saw kerana baginda lebih alim dalam soal ini. Maka mereka pun bersetuju dengan cadangan tersebut. Aku meminta mereka menyediakan diyat (pampasan) diambil dari semua yang ada ditempat kejadian dikumpulkan dan dibahagikan menjadi empat bahagian iaitu diyat penuh, 1/2, 1/3 dan 1/4. Maka aku putuskan bahawa orang pertama yang terjatuh diberikan 1/4 kerana disebabkan dia 3 orang telah meninggal. Kemudian orang kedua diberikan 1/3 kerana menyebabkan 2 orang meninggal.Kemudian orang yang ketiga diberikan 1/2 kerana menyebabkan seorang meninggal dan orang terakhir diberikan diyat penuh kerana tidak menyebabkan sesiapa meninggal.Setelah mendengar keputusan tersebut maka di kalangan mereka ada yang bersetuju dan ada yang tidak. Maka aku terus berkata: peganglah kamu dengan keputusan ini sehingga kamu bertemu Rasulullah untuk memutuskan hukum yang lain. Mereka pun datang berjumpa Rasulullah pada satu musim di mana ketika itu Rasulullah sedang duduk di tepi maqam Ibrahim setelah selesai menuaikan solat. Maka mereka terus menemui Baginda di sana dan salah seorang yang dibormati bertanya kepada Rasulullah tentang hukum yang telah dibuat oleh Ali ketika berada di Yaman. Beliau menceritakan segala-galanya kepada Rasulullah sepetimana yang telah berlaku. Setelah mendengar cerita tersebut, akhirnya Baginda saw telah memutuskan bahawa apa yang aku lakukan itu adalah benar dan Baginda telah mengiktiraf hukum tersebut sepetimana yang telah aku berhukum dengannya." (Diriwayatkan oleh Saidina 'Ali)⁴²

Di samping itu, mereka juga merujuk kepada tindakan oleh khalifah Islam pertama Saidina

⁴¹ Abi Daud Sulayman Ibn al-Asy'ath al-Sajastani (t.t.) *Sunan Abi Daud*, Ta'liq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tawzi', Hadith No. 3592, h. 644. Al-Tirmizi, al-Imam al-Hafiz Muhammad bin 'Isa bin Surah (1417H). Ta'liq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tawzi', Hadith No. 1327, *op.cit*, hh. 313-314. Muhammad al-Khadari (2000), *Usul al-Fiqh*, Tahqiq, Khayri Sa'id, Qahirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah. h. 6.

⁴² Ahmad 'Abd al-Mun'im (1965) *Tarikh al-Qada' fi al-Islam*, Lajnah al-Bayan.hh. 71-72.

Abu Bakr *al-Siddiq* ketika di era pemerintahannya. Menurut sejarah *Khulafa' al-Rasyidin*, apabila Saidina Abu Bakr *al-Siddiq* didatangi dengan sesuatu persoalan, beliau akan terus merujuk kepada al-Quran. Sekiranya al-Quran tidak menjelaskannya dengan terperinci, beliau akan merujuk pula kepada al-Sunnah. Jika hukum tersebut masih tidak ditemui setelah merujuk kedua-dua sumber utama tersebut, maka beliau akan memanggil dan meminta pandangan dari kalangan pemimpin-pemimpin Islam dan para mujahid yang ada pada ketika itu untuk berijihad dalam menetapkan hukum. Sekiranya mereka semua bersetuju terhadap hukum tersebut, maka beliau terus akan mengambil pandangan itu dan menjadikannya sebagai penetapan hukum di dalam pentadbiran beliau. Selepas kewafatan Saidina Abu Bakr *al-Siddiq*, langkah-langkah ini dilaksanakan pula oleh Saidina 'Umar dan sahabat-sahabat yang lain di dalam pemerintahan mereka. Keadaan ini sememang telah wujud sekian lama dan diperakukan oleh majoriti kaum muslimin ketika itu.⁴³ Inilah metode yang dipraktiskan oleh ulama-ulama silam dan diperturunkan kepada ulama semasa bagi menjawab segala permasalahan hukum yang timbul di tengah masyarakat. Ia terbukti sangat berkesan untuk memelihara kepentingan ummah dan dilihat amat signifikan bagi pelbagai urusan agama yang berkaitan dengan persoalan sosial.⁴⁴

Pengertian Al-'Urf

Ibn Manzur (1990) dalam dalam kitabnya *Lisan al-'Arab*⁴⁵ telah menjelaskan bahawa secara etimologi kalimah al-'Urf adalah kata nama yang berasal dari kalimah Arab 'arafa – ya'rifu – 'urfan yang memberi maksud sesuatu yang telah diketahui dan dimaklumi oleh semua. Ia juga diguna pakai untuk menunjukkan sesuatu perkara yang baik dalam kehidupan seharian seorang muslim iaitu yang dikenali sebagai *al-ma'ruf*. Terdapat juga etimologi yang memberi maksud *a'la al-Syarie* (Sesuatu yang lebih tinggi dari yang lain) Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan di antara keduanya (Syurga dan Neraka) ada tembok al-'Araf yang menjadi pendingin dan di atas tembok al-'Araf itu ada

⁴³ al-Zuhayli, Wahbah (1998), *op.cit.* h. 418. Muhammad Khadari (1968), *op.cit.* h. 96.

⁴⁴ al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (1966), *Dawabit al-Maslahah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Damsyik: al-Maktabah al-Umawiyyah, h. 81.

⁴⁵ Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad (1990), *Lisan al-'Arab*, Beirut, Dar al-Fikr, j. 9, h. 239.

*sebilangan orang-orang lelaki yang mengenali tiap-tiap seorang (dari ahli-ahli Syurga dan Neraka) itu, dengan tanda masing-masing"*⁴⁶

Etimologi yang memberi erti *al-tatabu'* (mengikut, berturut-turut atau bersambung-sambung). Sepertimana Firman Allah SWT yang bermaksud⁴⁷:

"Demi (makhluk-makhluk) yang dibantarkan secara berturut-turut (bagi menjalankan tugas)."'

Menurut Ibrahim Anis dan sahabat-sahabatnya (1972) di dalam *al-Mu'jam al-Wasit* bahawa kalimah 'urf diambil dari huruf ف, ر, ع membawa erti yang pelbagai, antaranya ialah yang memberi maksud mentadbir atau mengurus, seperti:

عرف فلان على القوم – عرافة.

"Seorang lelaki itu telah mentadbir urusan kaumnya dan menguruskan siyasah mereka".

Ia juga memberi maksud sabar iaitu عرف, atau maksud masyhur iaitu معروف, atau maksud 'Arafah iaitu عرف الحجاج, atau maksud ihsan iaitu عارفة atau jamaknya عوارف dan sebagainya.⁴⁸ Namun secara Terminologi, al-'Urf dikenal pasti memberi maksud:

*"Apa sahaja yang menjadi kebiasaan manusia (masyarakat), setelah itu, mereka berjalan di atasnya (menjadi amalan mereka) melalui perbuatan (tindak-tanduk atau pergerakan) yang masyhur dan makruf di kalangan mereka. Dan ia juga memberi maksud lafaz atau perkataan tertentu yang hanya mereka mengetahuinya antara satu sama lain terhadap makna-makna sesuatu perkara yang khusus tentang hal ehwal mereka, dan ia merangkumi 'urf qauli dan 'amali."*⁴⁹

Kaedah-Kaedah Fiqh yang Bersumberkan 'Urf

Ilmu *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* adalah merupakan himpunan hukum-hukum dalam Islam yang *mutasyabihat* (yang hampir sama) dan disusun semula secara sistematik oleh para ulama di bawah kaedah-kaedah tertentu bagi memudahkan umat Islam merujuk terhadap semua persoalan yang timbul berkaitan masalah fiqh semasa.⁵⁰ Ia disusun menjadi 5 kaedah besar dan disepakati oleh semua mazhab-mazhab fiqh⁵¹ dan disusuli dengan kaedah-kaedah kecil yang meliputi pelbagai persoalan.⁵² Para ulama

⁴⁶ Surah al-'Araf 7 : 46

⁴⁷ Surah al-Mursalat 77 : 1

⁴⁸ Ibrahim Anis (1972), *al-Mu'jam al-Wasit*, Qaherah. h. 624-625.

⁴⁹ Al-Zuhaily (1998), *op. cit.* h. 829

⁵⁰ Abdul Aziz Muhammad Ibn 'Izam (1998), *Ibid.* h. 19

⁵¹ Soleh Ghanim (1417 H), *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kubra wama Tafarrua'a 'anha*, Riyadh: Dar al-Balansiyah, c. 1, h. 9.

⁵² Al-Qaradhawi (2000), *Ibid.* c. 27, j. 1, h. 308. Lihat juga al-Nawawi (1996), *al-Majmu' Syarh al-Muhaazzib*, Beirut: Dar al-Fikr, c. 1, j. 6, h. 40.

juga telah menyusun beberapa kaedah di dalam qawa'id fiqhiiyah yang mempunyai kaitan dengan 'urf untuk dijadikan sebagai sumber hukum semasa. Antara kaedah tersebut adalah seperti berikut:

- **العادة المحمدة**
“*Adat Sebagai hukum.*”⁵³
- **الحقيقة ترك بدلالة العادة**
“*Hakikat ditinggalkan sekiranya datang dalil dari adat.*”⁵⁴
- **استعمال الناس حجة يجب العمل بها**
“*Apa yang digunakan dalam masyarakat sebagai hujjah adalah wajib diamalkan.*”⁵⁵
- **المعروف عرفاً كالمطلوب شرعاً**
“*Apa yang diketahui secara 'urf adalah sama seperti apa yang disyaratkan dalam syarat*. (orang yang membeli sebuah kereta dikira juga membeli beserta kuncinya sekalipun tidak disebut dalam akad).⁵⁶
- **التعيين بالعرف كالتعيين بالنص**
“*Apa yang thabit hukum dengan 'urf adalah sama seperti apa yang dithabitkan dengan nas.*”⁵⁷
- **لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان**
“*Tidak ditegah perubahan hukum akibat perubahan masa.*”⁵⁸
- **كل ما ورد به الشرع مطلقاً ولا ضابط له فيه ولا في اللغة يرجع فيه إلى العرف**
“*Setiap hukum yang syara' datangkan secara mutlak dalam situasi tidak ada garis panduan yang terperinci pada syara' dan bahasa maka hendaklah dirujuk kepada 'urf.*”⁵⁹
- **تنزل دلالة العادات وقوائين الاحوال منزلاً صريح الاقوال في تخصيص العموم وتقييد المطلق وغيرهما**
“*Diletakkan dalil adat dan petunjuk keadaan sama taraf seperti perkataan yang jelas dalam mengkhususkan yang umum dan mengikat yang mutlak dan selain dari keduanya.*”⁶⁰
- **حمل الالفاظ على ظنون مستفادة من العادات لميسى الحاجة إلى ذلك**
“*Ditafsirkan lafaz-lafaz berasaskan zan yang difahamkan dari adat-adat kerana desakan hajat kepada perkara tersebut.*”⁶¹

⁵³ Ahmad Muhammad Zarqa' (1989), *Syarb al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, c. 2, Damsyik: Dar al-Qalam, hh. 219-222.
Mahmud 'Abd Allah al-'Ukazi (1996), *Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyah*, Qahirah: Jam'iyyah al-Azhar, h. 59.

⁵⁴ *Ibid.*, Ahmad Muhammad Zarqa' (1989), hh. 231-232.

⁵⁵ *Ibid.*, h. 223

⁵⁶ Salih Ghanim al-Sadalan (1417H), *op.cit*, h. 390.

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ Muhammad Salleh Ahmad, *op. cit*. hh. 643-645.

⁶⁰ Abu Muhammad 'Izz al-Din 'Abd al-'Aziz 'Abd al-Salam (1999), *Qawa'id al-Abkam fi Masalih al-Anam*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 2, h. 83.

⁶¹ *Ibid.* h. 90

- كل ما يثبت بالعرف اذا صرخ المتعاقدان بخلافه بما يوافق

مقصود العقد ص

“*Setiap hukum yang thabit dengan 'urf, apabila dua orang yang berakad secara terang mengenepikannya dan bersetuju dengan syarat yang selari dengan maksud kontrak, maka akad itu menjadi sab.*”⁶²

- **الحمل على الغالب والغلب في العادات**

“*Penafsiran hendaklah berdasarkan kebiasaan dan luar biasa pada adat.*”⁶³

- **المعروف بالعرف كالمعروف بالنص**

“*Sesuatu yang diketahui berdasarkan 'urf adalah samaseperti perkara yang diketahui berdasarkan nas.*”⁶⁴

- **الثابت بالعرف ثابت بدليل الشرع**

“*Hukum yang tsabit berdasarkan 'urf tsabit juga berdasarkan dalil syarak.*”⁶⁵

- **العرف بالشرع له اعتبار**

“*'Urf dari kacamata syarak adalah perlu diambil kira.*”⁶⁶

Zakat Emas Perhiasan

Emas bagi tujuan perhiasan seharusnya tidak terlalu banyak dan tidak perlu melampaui dari batas yang normal. Perhiasan yang terlalu banyak boleh membawa kepada suatu pembaziran dan *tabarruj* yang jelas dan tidak lagi bersifat perhiasan dan kegunaan semata-mata. Perhiasan yang melebihi had pembaziran maka ia perlulah disucikan dengan zakat. Ini adalah kerana kelonggaran yang diberikan oleh syarak adalah khusus untuk perhiasan wanita semata-mata dan bukan untuk selain dari itu. Dan apabila sesuatu keharusan itu melampaui had yang dibenarkan maka hukumnya telah menjadi makruh dan boleh membawa kepada pengharaman bagi sesetengah ulama.⁶⁷ Allah SWT berfirman:

﴿يَبْنَىٰ عَادَمُ خُدُواً زِينَتُكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُّوْا وَأَشْرَبُواْ
وَلَا تُسْرِفُواْ إِنَّهُ وَلَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴾

“Wahai anak-anak Adam, Pakailah kamu pakaian yang indah tiap-tiap kali kamu menuju ke Masjid (untuk beribadah). Makanlah dan minumlah, dan jangan kamu melampaui-lampau. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas.”Surah al-'Araf (7) : 31.

⁶² Mohd Saleh Ahmad, *op.cit*, h. 239

⁶³ Abu Muhammad 'Izz al-Din 'Abd al-'Aziz 'Abd al-Salam (1999), *op.cit*, h. 93

⁶⁴ *Ibid.* Muhammad Salleh Ahmad, *op.cit*, hh. 643-645.

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Abu Hamid telah berkata ; *Bahawasanya perhiasan emas itu dibaruskannya sekiranya timbangannya tidak sampai kepada 1000 mithqal, maka jika sekiranya sampai kepada timbangan 1000 mithqal, hukumnya adalah haram dan divajibkan zakat atasnya.* Ibn.Qudamah (1997), *op.cit.h.* 222.

Telah bersabda Nabi saw :

كُلُوا وَاشْرِبُوا وَالْبَسُوا مِنْ غَيْرِ سُرفٍ وَلَا مُخْلِةٍ

"Makanlah, dan minumlah, dan pakailah dalam keadaan tidak membazir dan tidak berlebih-lebihan." (Riwayat Ibn Majah)⁶⁸

Berhias dengan koleksi barang kemas adalah merupakan budaya yang telah sekian lama menjadi trend kepada kebanyakkhan wanita. Islam mengiktiraf perhiasan ini selagimana tidak digunakan untuk tujuan maksiat. Islam juga memelihara budaya ini selagimana tiada unsur pembaziran dan persaingan yang boleh merosakkan sesuatu adat yang pada asalnya baik. Perhiasan dalam kadar biasa dapat menyerlahkan kecantikan wanita khususnya di mata suami. Ini sememangnya dianjurkan oleh Islam bagi membentuk suasana harmoni antara pasangan suami isteri. Perhiasan yang berlebih-lebihan hanya menyerlahkan keegoan dan hasad dengan yang boleh memberikan impak yang tidak baik kepada manusia. Bagi tujuan memelihara wanita dari terus khayal dalam dunia perhiasannya, maka Islam tampil dengan satu kaedah mewajibkan zakat sekiranya pemakaiannya bukan lagi bertujuan syar'i. Yusuf al-Qaradhawi dalam kitabnya yang masyhur *Fiqh al-Zakah* telah menjelaskan bahawa penentu hukum kepada permasalah ini adalah berdasarkan 'urf masyarakat, bahkan beliau juga menegaskan bahawa tidak menghairankan sekiranya kadar nisab yang diperolehi bersumberkan 'urf tersebut akan berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain. Berikut adalah merupakan ungkapan beliau:

ان حد ذلك - فيما ارى - يختلف باختلاف الاشخاص والبيئات
والاحوال ، فحلي بالف دينار قد يكون مناسبا لثرية او زوجة ثري
في بلد غني مثل امريكا . وقد يكون نصفه او ربعه او دون ذلك
اسرافا في بعض البلاد التي لا يجد الانسان فيها قوت يومه الا بشق
النفس ، فلا بد من النظر في الاباحة الى ثراء الفرد وثراء الامة معا
. والحكم في هذا هو العرف

"Sesungguhnya batas bagi permasalahan tersebut menurut pandanganku adalah berbeza-beza antara satu sama lain berdasarkan perbezaan antara individu-individu, persekitaran dan situasi. Perhiasan sebanyak nilai seribu dinar mungkin sesuai bagi seorang wanita kaya atau isteri orang kaya di negara kaya seperti Amerika, Sedangkan separuh dari itu atau suku atau kurang dari itu sudah dianggap melampau di negara-negara yang sangat miskin. Oleh sebab itu, pengukuran tentang had yang dibenarkan

⁶⁸ Abi 'Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazawayni (t.t.), *Sunan Ibn Majah*, Ta'liq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Riyad : Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tawzi', No. Hadith 3605, h. 601

(tidak dikenakan zakat) perlulah berasaskan kepada taraf hidup individu dan taraf hidup dalam negaranya juga. Dan hukum bagi ketentuan tersebut perlulah bersumberkan 'urf atau kebiasaan."⁶⁹

Bagi tujuan mendapatkan hukum terhadap persoalan yang berkaitan dengan realiti masyarakat, al-Imam al-Syafi'i sendiri telah menggunakan kaedah *istigra'*. *Istigra'* adalah merupakan proses soal-selidik dan tinjauan secara menyeluruh terhadap masyarakat berkaitan sesuatu isu.⁷⁰ Melalui proses *istigra'* al-Imam al-Syafi'i telah menemukan hukum dan menetapkan bahawa umur baligh bagi lelaki adalah di antara 12 hingga 15 tahun dan seseorang itu dikira baligh sekiranya melalui salah satu dari dua proses iaitu sama ada bermimpi hingga mengeluarkan mani atau mencapai umur 15 tahun sekalipun tidak pernah bermimpi langsung. Melalui proses *istigra'* juga al-Imam al-Syafi'i telah menemukan hukum dan menetapkan bahawa umur haid bagi seorang perempuan adalah di antara 9 hingga 15 tahun dan tempoh kedatangan haid pula adalah di antara sehari semalam hingga membawa ke 15 hari. Manakala 6 ke 7 hari adalah merupakan kebiasaan haid bagi perempuan. Tempoh nifas pun begitu juga, sekurang-kurang nifas adalah satu lahzah dan sebanyak-banyaknya adalah adalah enam puluh hari dan kebiasaannya adalah empat puluh hari.⁷¹ Kesemua hukum-hukum tersebut adalah berdasarkan *istigra'* yang terkandung di dalam 'urf masyarakat.⁷²

Hasil yang terbentuk dari proses ini adalah sangat sangat hampir dengan kehendak dan kemudahan ummah. Ini melibatkan kajian bersifat lapangan. Menurut ulama, proses *istigra'* harus dijalankan bagi menentukan hukum berdasarkan 'urf, namun untuk menjalankan proses *istigra'* secara total iaitu mencapai sehingga tahap 100% proses temubual dan soal-selidik terhadap setiap individu dalam masyarakat adalah mustahil kerana ia adalah terlalu sukar dan perlukan kepada tempoh masa yang lama bagi mengelak kecinciran dan sebagainya. Namun peratus yang ditetapkan adalah harus mencapai tahap melebihi paras *zabanni* iaitu 80 peratus bagi mengurangkan risiko kesilapan dalam menetapkan hukum.⁷³ Sebenarnya *istigra'* yang

⁶⁹ Al-Qaradhawi (2000), *Ibid.* hh. 309 - 310.

⁷⁰ Farouk Ahmad Abu Dunya (1999), *Muhadharat Fi Usul Al-Fiqh*, Damanhur: al-Azhar. h. 103-104.

⁷¹ *Ibid.*

⁷² Al-Nawawi, *Raudah al-Tolibin*, al-Maktab al-Islami, j. 1, h. 134

⁷³ Abdul Aziz Muhammad Ibn 'Izam (1998) *Ibid.* h. 238. *Ibid.*, Al-Nawawi (1999) j. 6, h. 37.

dijalankan oleh ulama silam dalam menetapkan hukum fiqh bersifat lapangan, adalah sempurna dan adil untuk semua masyarakat sekalipun proses soal selidik yang dijalankan adalah sekadar melepas peringkat *zhamni* sahaja. Ini adalah kerana mereka terlalu teliti dalam banyak perkara yang melibatkan hukum sehingga dapat mengelak dari sebarang bentuk kesilapan. Adalah mustahil untuk mendapatkan kerjasama dan reaksi setiap individu dalam masyarakat tentang sesuatu isu, namun proses soal-selidik yang dijalankan mestilah kemas dan meluas sehingga mampu menghasilkan bentuk hukum yang amat dekat dengan hidup masyarakat dan diterima oleh syarak berdasarkan kemampuan yang ada. Sekalipun sukar, namun proses ini masih juga perlu dijalankan kerana penentuan hukum berkaitan perkara tersebut tidak disebut oleh nas secara putus dan hanya realiti sahaja yang dapat menentukan hukumnya.

Perbezaan Kadar ‘Urf Emas Perhiasan di Melaka dan Selangor

Hasil kajian mendapati bahawa hukum asal mengenai tidak wajib zakat bagi emas perhiasan di Selangor, Melaka dan seluruh negeri di Malaysia adalah sama dan selaras sepertimana yang dipegang oleh jumhur ulama kecuali negeri Perlis yang berpegang kepada wajib zakat. Begitu juga persamaan dari sudut hukum sebaliknya adalah juga standard (wajib dizakatkan sekiranya melebihi budaya pemakaian setempat), kecuali Kelantan.⁷⁴ Persamaan ini disebabkan oleh persefakatan semua negeri di Malaysia kecuali Perlis, untuk berpegang kepada mazhab al-Imam al-Syafi'i dalam banyak keadaan, sepertimana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing.⁷⁵ Dalam situasi ini, tidak berlaku sebarang bentuk pertikaian di kalangan negeri-negeri terbabit kerana jelas termaktub di dalam mazhab syafi'i, juga berdasarkan kepada apa yang dipegang oleh majoriti ulama-ulama mazhab, bahawa hukum asal bagi pemakaian emas di kalangan wanita Islam adalah berstatus harus tanpa perlu dizakatkan. Ini adalah merupakan sandaran hukum asas yang dilaksanakan dalam pengurusan zakat di Malaysia.⁷⁶ Walaupun

⁷⁴ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri, dicapai pada 30 November 2013. <http://www2.esyariah.gov.my>. Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Kelantan, dicapai pada 29 Mac 2014, <http://www.e-maik.my>.

⁷⁵ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, dicapai pada 25 November 2013, <http://www2.esyariah.gov.my>

⁷⁶ Negeri Perlis agak berlawanan sedikit dari sudut dasar

begitu, persamaan tersebut hanya berkisar dari aspek sumber hukum sahaja, selebihnya mereka berbeza pandangan dalam banyak perkara-perkara lain sehingga membawa kepada kajian ini. Perlis menggunakan pakai timbangan 85 gram sebagai nisab emas perhiasan dan emas-emas kategori yang lain.⁷⁷ Malah berdasarkan fatwa, Perlis berpegang kepada pandangan Abu Hanifah dan Ibn Hazm yang mengatakan bahawa zakat bagi emas perhiasan wanita adalah wajib apabila telah mencukupi nisab emas. Pandangan ini adalah berlawanan dengan pandangan Jumhur yang mengatakan tidak wajib zakat kecuali jika melebihi ‘urf.⁷⁸

Terdapat jurang yang besar antara Selangor dan Melaka dalam menetapkan kadar ‘urf emas perhiasan bagi masyarakat negeri masing-masing. Terkini, kadar ‘urf di Selangor adalah pada timbangan 800 gram emas berbanding 200 gram sepertimana yang diperkenalkan di Melaka.⁷⁹ Menurut Mohd Fariz Abdul Razak dan Abdullah Senin,⁸⁰ perlaksanaan kadar ‘urf terkini sebanyak 800 gram adalah merupakan satu-satunya kadar rasmi yang pernah difatwakan oleh Jabatan Mufti Selangor sejak dari dahulu lagi. Walau bagaimanapun, terdapat juga satu kadar ‘urf yang pernah digunakan di Selangor suatu masa dahulu (sebelum tahun 2005) yang ditentukan berdasarkan nilai matawang sebanyak RM5000 tanpa merujuk kepada fatwa rasmi. Ini adalah kerana sebelum tahun 2005, tidak ada sebarang fatwa tentang ‘urf

pentadbiran Islam berbanding negeri yang lain (Tidak menjadikan mazhab syafi'i sebagai rujukan utama kerana berpegang kepada fahaman yang menyatakan bahawa al-Quran dan Sunnah sebagai sumber yang sebenar tanpa terikat dengan mazhab-mazhab tertentu) *Ibid.* Enakmen 4 Tahun 2006, Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Seksyen 54. “Sumber Yang Hendaklah Diikuti”, 30 November 2013, <http://www2.esyariah.gov.my>.

⁷⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Fatwa Negeri Perlis, “Nilai Emas Yang Boleh Dihukum Pakaian” 30 November 2013. <http://www.e-fatwa.gov.my>. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Unit Zakat, Baitul, 7 Mei 2014.

⁷⁸ *Ibid.*

⁷⁹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Fatwa Di Bawah Seksyen 47. Dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseskyen 48(6). Fatwa Di Bawah Seksyen 36, Warta Kerajaan Negeri Melaka, enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

⁸⁰ Mohd Fariz Abdul Razak, Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Temubual 20 Jun 2013. *Ibid.* Abdullah Ahmad Senin, Temubual 11 Mac 2014.

emas perhiasan pernah dikeluarkan di Selangor.⁸¹

Berbeza pula dengan negeri Melaka, menurut Sahibus Samahah Mufti,⁸² Penetapan kadar ‘urf di Melaka adalah berdasarkan fatwa yang dikeluarkan secara rasmi dan seterusnya diwartakan oleh Jabatan Mufti Melaka. Kadar ‘urf yang difatwakan di Melaka adalah sebanyak 200 gram iaitu berbeza dengan negeri Selangor. Beliau berpendapat, perbezaan pemakaian emas yang wujud di kalangan wanita antara sebuah negeri dengan negeri yang lain menyebabkan kadar ‘urf di Melaka ditetapkan pada kadar tersebut. Penduduk dan masyarakat di Melaka tidak menjadikan koleksi barang kemas sebagai pusingan modal untuk perniagaan seperti mana yang wujud di negeri Kelantan. Oleh itu, kadar ‘urf yang ditetapkan adalah sesuai berdasarkan penilaian terhadap realiti yang wujud di Melaka.⁸³ Dari sudut hukum, ketetapan kadar ‘urf yang diperkenalkan di Selangor dan Melaka dianggap benar dan betul (berbeza kerana ijtihad berbeza), walau bagaimanapun dalam konteks sebuah negara ia perlu dilihat dengan lebih luas demi kerukunan pengamalan Islam di Malaysia dan mengelak kekeliruan dalam masyarakat. Berikut adalah merupakan perbezaan kadar ‘urf emas perhiasan antara Selangor dan Melaka dan seluruh negeri di Malaysia bagi tahun 2008:

BIL	NEGERI	JUMLAH NISAB
1	Perlis	170 gram
2	Kedah	170 gram
3	Pulau Pinang	165 gram
4	Perak	500 gram
5	Selangor	800 gram
6	Wilayah Persekutuan	150 gram
7	Negeri Sembilan	850 gram (Kadar lama) 200 gram (Kadar baru)
8	Melaka	RM5000
9	Johor	850 gram
10	Pahang	200 gram
11	Terengganu	150 gram
12	Kelantan	Tiada urf
13	Sabah	RM5000
14	Sarawak	775 gram

Sumber : Laporan Kajian Penetapan Uruf Emas Pakai Negeri Pahang Darul Makmur 2008.

Metodologi Penetapan Kadar ‘Urf di Selangor

Menurut Abdullah Ahmad Senin,⁸⁴ Penetapan kajian ‘urf di Selangor adalah berdasarkan kepada kajian lapangan secara rasmi yang pernah dibuat oleh Pusat Zakat Selangor (PZS), pada tahun 2003 dan 2004, seterusnya difatwakan pada tahun 2005. Ia adalah merupakan fakta yang diambil berdasarkan kertas kerja cadangan yang dibuat oleh Pusat Zakat Selangor (PZS) dan diperbincangkan dalam Mesyuarat Jawatan kuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA). Ia dibuat bagi mendapatkan pengesahan fatwa rasmi yang pertama bagi menetapkan kadar ‘urf pemakaian emas di Selangor bagi tempoh lima tahun.

Selangor adalah merupakan satu-satunya negeri yang meletakkan kadar ‘urf di atas timbangan 800 gram emas tanpa merujuk kepada pandangan al-Nawawi (631H - 676H) beraliran mazhab Syafi’I, seperti mana yang disebutkan juga oleh Jad al-Haq Ali Jad al-Haq, yang meletakkan ‘urf bagi emas perhiasan (*al-hulli*), pada timbangan 200 *mithqal* iaitu bersamaan dengan 850 gram timbangan emas semasa.⁸⁵ Berdasarkan kepada rekod Jabatan Mufti Selangor selama 23 tahun sejak tahun 1991 – 2014,⁸⁶ terbukti tidak terdapat sebarang keputusan fatwa lain tentang kadar ‘urf emas perhiasan yang pernah dikeluarkan oleh Jawatan kuasa Fatwa dalam tempoh tersebut. Malah, tidak terdapat juga sebarang bentuk kajian atau kertas kerja cadangan yang pernah dibuat oleh mana-mana pihak dalam tempoh tersebut kecuali kertas kerja cadangan yang

⁸⁴ Abdullah Ahmad Senin, *op.cit.* Temu bual 11 Mac 2014. Beliau merujuk kepada minit-minit mesyuarat yang lalu (1991-2014) serta kertas-kertas kerja cadangan yang pernah dihantar ke Jabatan Mufti Selangor dalam tempoh tersebut.

⁸⁵ Abi Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawi al-Dimasyqi (1996), *al-Majmu'*, Beirut: Dar al-Fikr, c. 1, j. 6, hh. 30-39. Jad al-Haq ‘Ali Jad al-Haq (2005), *al-Fatawa al-Islamiyyah, Qahirah: Dar al-Faruq li al-Nasyr wa al-tawzi'*, j. 3, h. 132. Menurut Jad al-Haq, di dalam *fiqh syafi'i* tidak diwajibkan zakat pada emas perhiasan yang harus dipakai di sisi Islam yang telah sempurna *hawla*nya bagi pemilik emas tersebut yang sedar akan pemilikannya. Namun emas perhiasan yang haram dipakai, maka wajib pula baginya zakat. Begitu juga wajib zakat atas emas perhiasan yang mempunyai ciri-ciri pemborosan seperti gelang yang mempunyai berat timbangan 200 *mithqal*.

⁸⁶ Berdasarkan minit-minit mesyuarat dan kertas-kertas kerja yang pernah dikemukakan ke Jabatan Mufti bagi tujuan pemohonan fatwa dan pewartaan sejak tahun 1991 hingga 2014. Sumber Abdullah Senin. Temubual 11 Mac 2014.

⁸¹ *Ibid.*, Mohd Fariz Abdul Razak.

⁸² Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Rashid Redza Haji Md. Saleh, Mufti Kerajaan Negeri Melaka, Temubual pada 5 April 2013.

⁸³ *Ibid.*

disebut sebelum ini.⁸⁷

Menurut Abdullah Senin, sebenarnya kertas kerja yang mendapat kelulusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak untuk diangkat sebagai fatwa rasmi pertama di Selangor, adalah merupakan kertas kerja kali ketiga dan bukan kali yang pertama. Namun, kertas kerja tersebut adalah merupakan hasil penambah-baikan daripada kertas kerja pertama dan kedua yang dikemukakan sebelum itu. Malah, sebelum kertas cadangan tersebut diwartakan sebagai fatwa rasmi, terdapat dua sesi perbincangan dan pembentangan yang dibuat oleh PZS di hadapan Majlis Perunding Hukum Syarak Negeri Selangor, bagi menjelaskan kajian tentang kadar ‘urf tersebut dan mendapatkan pertimbangan ahli mesyuarat seperti mana yang dicadangkan.⁸⁸ Hasil perbincangan sesi pertama bersama Jawatankuasa Fatwa telah membawa keputusan bahawa PZS perlu menjalankan kajian semula dan membuat beberapa penambahan dan pindaan setelah ahli panel tidak berpuas hati dengan kaedah kajian yang dibuat oleh PZS yang kelihatan begitu *simple*, tidak kukuh dan mempunyai banyak kelemahan serta tidak mencapai piawaian yang ditetapkan. Ia dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor Bil. 2/2004.⁸⁹ Setelah dimurnikan dan diperbaiki dengan mengambil kira pandangan Jawatankuasa dalam aspek-aspek tertentu, maka kertas kerja kali kedua berjaya disiapkan dan diperbahaskan semula untuk kali yang kedua di dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang sama. Setelah melalui pelbagai fasa perbincangan seperti kali yang pertama, maka Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa juga akhirnya telah bersetuju menerima kertas kerja tersebut untuk dipanjangkan dan disembah maklum pada pihak Istana bagi mendapatkan perkenan

⁸⁷ Unit Penyelidikan Dan Pembangunan Syar’ie, Pusat Zakat Selangor, *Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004*, h. 1.

⁸⁸ *Ibid.*, Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor. Abdullah Senin, *op.cit.*

⁸⁹ Maklumat ini adalah bersumberkan dari Jabatan Mufti Selangor berdasarkan kepada Minit Mesyuarat Sebenar Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor Bil.2/2004 yang berada di dalam simpanan Jabatan. Menurut Abdullah Ahmad Senin, Pada tahun 2004 Jawatankuasa Fatwa telah bersidang selama 4 kali di mana 3 kali telah membentangkan kertas kerja cadangan ‘urf yang dipanjangkan oleh Pusat Zakat Selangor dan diminitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor Bil 2/2004, Bil. 3/2004, Bil 4/2004.

Tuanku sebagai langkah untuk proses pewartaan fatwa. Perbahasan kertas kerja kedua oleh PZS telah diminitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Bil. 3/2004. Walau bagaimanapun setelah disembah maklum pada pihak Istana untuk mendapatkan perkenan dan titah Tuanku, namun kertas kerja tersebut tidak mendapat persetujuan Baginda Sultan yang mencadangkan supaya kadar ‘urf tersebut difikirkan semula dan dinaikkan demi mengelak supaya tidak menindas dan membebankan golongan wanita yang mempunyai emas yang tidak seberapa.⁹⁰ Kertas kerja cadangan kali pertama dan kedua yang dihantar oleh PZS pada ketika itu (diminitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor Bil 2/2004 dan Bil. 3/2004), telah mengusulkan buat pertama kalinya timbangan 227 gram sebagai kadar ‘urf emas perhiasan di Selangor tanpa melibatkan apa-apa kajian lapangan.⁹¹ Manakala kertas kerja cadangan kali ketiga yang dikemukakan oleh PZS adalah dibuat dengan kajian lapangan dan mengusulkan timbangan 500 gram sebagai kadar ‘urf, iaitu menggantikan timbangan 227 gram yang tidak mendapat perkenan Tuanku. Walau bagaimanapun kadar 227 gram yang dicadangkan oleh PZS tidak dinyatakan di dalam kertas kerja cadangan kali ketiga yang disediakan oleh PZS, sebaliknya termaktub di dalam minit-minit mesyuarat seperti yang dinyatakan sebelum ini. Menurut Abdullah Senin juga, kadar timbangan 227 gram yang dipersembahkan kepada Tuanku Sultan Selangor adalah tidak bersumberkan kepada sebarang kajian lapangan. Setelah mendapat teguran Tuanku yang memohon supaya kadar 227 gram tersebut dinilai semula, maka selepas itu baharulah kajian lapangan sebenar telah dilaksanakan oleh PZS dengan melibatkan responden sebanyak 1952 orang, melibatkan golongan wanita dari pelbagai daerah di dalam Selangor.

Kaedah pengiraan zakat yang dicadangkan oleh PZS pada ketika itu, adalah dengan mendarab jumlah keseluruhan emas yang dimiliki (melebihi kadar ‘urf) dengan 2.5 peratus zakat tanpa menolak kadar ‘urf.⁹² Kertas kerja cadangan kali ketiga

⁹⁰ *Ibid.* Abdullah Ahmad Senin, Temubual 11 Mac 2014.

⁹¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Bil. 2/2004. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Bil. 3/2004.

⁹² Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004, *op.cit.* Abdullah Ahmad Senin, *Op. cit.* Temubual 11 Mac 2014. Kaedah pengiraan zakat

tersebut adalah berdalilkan kepada mazhab al-Syafi'i dan Jumhur para ulama, serta Para Sahabat Rasullah saw seperti 'Umar al-Khattab, 'Abd Allah Ibn Mas'ud, Saydatina 'Aisyah dan lain-lain, termasuk pendapat di kalangan para fuqaha seperti Imam Abu Hanifah, Ibrahim al-Nakha'i, Tawus, Sufyan al-Thawri, Sa'id al-Musayyib dan lain-lain.⁹³

Walau bagaimanapun, setelah dinaikkan kadar 'urf daripada 227 gram kepada 500 gram, dan setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor yang berpuas hati dengan kertas kerja tersebut, (sepertimana terkandung di dalam minit Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor Bil. 4/2014), namun, ia masih tidak mendapat perkenaan Tuanku Sultan untuk diangkat sebagai fatwa sekalipun setelah dipersembahkan untuk kali yang kedua.⁹⁴ Ini bermakna cadangan kadar 'urf pada timbangan 227 gram buat kali pertama, dan 500 gram buat kali kedua masih gagal di peringkat Istana kerana dianggap masih rendah, dan diminta untuk diperbincangkan lagi bagi menaikkan kadar 'urf tersebut ke suatu kadar yang relevan dengan taraf hidup masyarakat Islam di Selangor yang ketika itu sudah semakin meningkat.⁹⁵

Ini jelas menunjukkan bahawa sekalipun wujud kadar-kadar 'urf tertentu bagi menentukan kadar 'urf emas perhiasan di Selangor selama beberapa kali, namun ia hanyalah berstatus cadangan kadar semata-mata yang dibuat berdasarkan kertas kerja rasmi oleh Pusat Zakat Selangor. Dengan kata lain, kadar 'urf pada timbangan 227 gram dan 500 gram hanya berada di atas kertas sahaja, tetapi tidak pernah dilaksanakan oleh mana-mana organisasi zakat dan fatwa di Selangor sekalipun untuk tempoh yang singkat.

Mengambil kira realiti pemakaian emas semasa, dan kepentingan menjaga kemaslahatan golongan wanita di Selangor, maka pihak Jawatankuasa

emas perhiasan ialah (Timbangan emas X Harga semasa X 2.5% = Zakat) Contohnya: 900 gram X Harga semasa contohnya RM45.00 = RM40,500.00 kemudian X 2.5% = RM1,012.50. Jadi nilai zakat yang wajib ke atas pemilik adalah RM1,012.50.

⁹³ *Ibid.*, Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004.

⁹⁴ Abdullah Senin, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Fatwa, Jabatan Negeri Selangor. *op.cit.* Temubual 11 Mac 2014.

⁹⁵ Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004. *op.cit.*, *Ibid.*, Abdullah Senin.

bersetuju untuk menaikkan kadar 'urf daripada 500 gram kepada timbangan 800 gram.⁹⁶ Cadangan terbaharu tersebut yang disembah maklum kepada pihak Istana setelah itu, akhirnya diperkenaan oleh Tuanku Sultan untuk diangkat menjadi fatwa rasmi yang diwartakan pada tanggal 23 Jun 2005. Dengan fatwa tersebut, terlakar buat kali pertama, bahawa kadar 'urf permakaian emas perhiasan di kalangan golongan wanita di Selangor ditetapkan pada timbangan 800 gram. Mana-mana timbangan yang melebihi kadar 'urf tersebut adalah diwajibkan zakat sepenuhnya tanpa mengecualikan nilai yang di bawah adat atau 'urf.⁹⁷ Fasa perbincangan untuk menetapkan kadar 'urf di Selangor bermula sejak tahun 2003 dan berakhir pada tahun 2005. Kemuncak proses untuk mendapatkan pengesahan fatwa adalah berlaku pada tahun 2004.⁹⁸ Fatwa rasmi tentang kadar 'urf tersebut termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) yang bertarikh 18 April 2005. Ia dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dengan titah perintah dari Pengurus Jawatankuasa Fatwa Selangor S.S. Dato' Haji Tamyes Abd Wahid dan diterbitkan pada tarikh 23 Jun 2005 yang mewartakan seperti berikut :

*"Kadar 'urf emas perhiasan di Negeri Selangor adalah pada timbangan 800 gram. Mana-mana timbangan yang melebihi kadar 'urf emas perhiasan adalah diwajibkan zakat perhiasan sepenuhnya, tanpa mengecualikan nilai yang di bawah 'adat atau 'urf."*⁹⁹

Menurut rekod dan maklumat yang tersimpan di Jabatan Mufti Selangor, sebelum kertas kerja kadar 'urf dihasilkan oleh PZS pada tahun 2003, 2004 dan seterusnya diluluskan untuk pewartaan fatwa pada tahun 2005, kadar 'urf emas perhiasan di Selangor adalah ditetapkan berdasarkan kepada nilai matawang sebanyak RM5000 dan tidak seperti sekarang yang menggunakan berat timbangan. Fakta ini jelas berdasarkan data sepertimana yang tersimpan di Jabatan Mufti Selangor.¹⁰⁰ Walau

⁹⁶ *Ibid.*, Abdullah Senin, Temubual 11 Mac 2014.

⁹⁷ Fatwa di Bawah Seksyen 47, Disiarkan Menurut Subseksyen 48(6), Kadar 'Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. *op.cit.*

⁹⁸ Abdullah Senin, *op.cit.* Temubual 11 Mac 2014.

⁹⁹ Fatwa di Bawah Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, *op.cit.*

¹⁰⁰ *Ibid.*, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syar'ie, Pusat Zakat Selangor, *Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan di Negeri Selangor 2004*, h. 6. *Ibid.*, Abdullah

bagaimanapun, kadar ‘urf RM5000 yang digunakan pada ketika itu tidak pernah dikuat-kuasakan. Malah, apa yang pasti, ia tidak dibuat melalui sebarang bentuk kajian ‘urf, dan tidak diketahui juga sumber utama yang digunakan bagi meletakkan kadar tersebut.¹⁰¹

Berikut adalah merupakan kronologi sejarah penetapan kadar ‘urf di Selangor:

Kronologi Penetapan Kadar ‘urf Emas Perhiasan di Selangor

TAHUN	KADAR ‘URF	ULASAN	
Sebelum 1991 - 2003	Berdasarkan Nilaian Matawang Sebanyak RM5000	Tidak ketahui asas dan sumber yang guna pakai dan tidak melalui proses pewartaan. Dilaksanakan tanpa apa-apa fatwa rasmi	2004 Berdasarkan Timbangan Emas sebanyak 500 gram Kertas kerja Kali Ketiga berdasarkan kajian yang dibuat oleh PZS dan dimantap dari sudut sumber dan dalil serta dibentangkan di hadapan panel dan kertas kerja dimantapkan dari pelbagai aspek termasuk cadangan pihak Istana tetapi masih tidak mendapat perkenan Tuanku Sultan. Tidak pernah dilaksanakan
2004	Berdasarkan Timbangan Emas sebanyak 227 gram	Melalui kertas cadangan kali pertama dan kedua yang dibuat oleh PZS dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (FATWA) Negeri Selangor. Tidak mendapat perkenan Tuanku Sultan dan tidak pernah dilaksanakan	2005 Berdasarkan Timbangan Emas 800 gram Fatwa yang diwartakan setelah mendapat perkenan Tuanku Sultan Selangor

Sumber : Jabatan Mufti Selangor

Menurut Norazimah Mohd Rayes,¹⁰² Penetapan kadar ‘urf di Selangor yang ditetapkan pada timbangan 500 gram, seperti yang terkandung di dalam kertas cadangan ‘urf yang dikemukakan oleh Pusat Zakat Selangor kepada Jabatan Mufti, adalah berdasarkan kajian lapangan sebenar yang pernah dibuat oleh Pusat Zakat Selangor (PZS). Ia dibuat pada tahun 2003 – 2004 terhadap responden yang ditemui bual dari pelbagai daerah. Kajian tersebut dianggotai oleh Mohd Helmi Ahmad, Azhana Abdul Mutualib dan Norazimah Mohd Rayes sendiri, yang pada ketika itu bertugas sebagai Eksekutif Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Pusat Zakat Selangor. Walau bagaimanapun menurut Norazimah Mohd Rayes, buat masa sekarang Mohd Helmi Ahmad dan Azhana Abdul Mutualib sudah tidak lagi berkhidmat dengan Lembaga Zakat Selangor. Menurut beliau yang kini bertugas sebagai Eksekutif Perancangan Strategik di Sektor Perancangan Korporat LZS, Kajian lapangan oleh PZS adalah diketuai oleh Mohd Helmi Ahmad selaku Eksekutif di Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syar‘ei (Ketua Unit). Seterusnya

Ahmad Senin.

¹⁰¹Ibid, Abdullah Ahmad Senin.

¹⁰²Norazimah Mohd Rayes, Eksekutif Perancangan Strategik, Sektor Perancangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor (MAIS), Temubual 17 November 2014.

dibantu oleh beliau dan Azhana Abdul Mutalib serta staf-staf terpilih yang menawarkan diri untuk menjadi pembantu kepada penyelidikan tersebut. Pada ketika itu, kajian lapangan yang dibuat adalah dengan menemu-bual semua responden menggunakan borang soal-selidik, dan memohon untuk menimbang dan mengira jumlah berat emas yang sedang dipakai oleh responden. Ini bermaksud, kajian yang dibuat oleh Pusat Zakat Selangor bukan hanya sekadar mengedarkan borang soal-selidik semata-mata, tetapi juga melibatkan proses timbang menimbang bagi mendapat 'urf sebenar. Ia dibuat kepada semua responden yang termaktub di dalam kertas kerja terbabit. Walau bagaimanapun, emas yang ditimbang dan dihitung bukan berdasarkan kepada emas yang sedang dipakai sahaja, tetapi juga mengambil kira semua koleksi barang kemas yang dimiliki oleh individu yang sedang ditemubual. Menurut beliau, kebanyakkan wanita yang ditemui memakai emas dalam kuantiti yang sedikit, kuantiti selebihnya disimpan dan dipakai ketika ada acara-acara tertentu seperti keluar menghadiri majlis jemputan dan sebagainya. Atas dasar itu, mengambil kira faktor pemakaian dan pemilikan emas yang diniatkan untuk perhiasan, adalah merupakan asas yang digunakan oleh PZS dan dianggap adil bagi menilai dan mendapatkan 'urf perhiasan sebenar di Selangor. Menurut beliau juga, bukan mudah untuk mendapatkan kerjasama semua golongan masyarakat bagi menimbang semua emas yang dipakai dan dimiliki oleh seseorang, kerana bimbang terdedah kepada kes penipuan dan rompakan dari pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh yang demikian, bagi menjayakan proses temubual yang dibuat, maka pendekatan yang diambil oleh PZS adalah dengan cara menghubungi semua pembayar-pembayar zakat yang direkodkan oleh PZS, dan seterusnya memohon kerjasama individu terbabit atau pasangannya, atau juga ahli keluarga terdekat mereka yang berkelayakan untuk mohon ditemu bual bagi menjayakan proses mendapatkan kadar 'urf. Data pembayar yang diambil sebagai responden, adalah meliputi semua kategori zakat dan tidak terhad kepada pembayar zakat emas sahaja. Di samping itu, PZS juga menggunakan kenalan-kenalan dari kalangan warga kerja PZS sendiri, sama ada ahli keluarga, jiran tetangga, saudara mara dan sesiapa sahaja yang dikenali sebagai pendekatan mudah untuk mendapatkan kepercayaan responden bagi menimbang emas yang dimiliki. Hasil dua pendekatan yang digunakan,

PZS berjaya mengumpulkan sebanyak 1952 responden dengan menemubual dan mengisi borang soal-selidik yang disediakan. Proses temubual ini digerakkan melalui pelbagai kumpulan yang dipecahkan ke tempat-tempat tertentu, iaitu setelah mendapatkan persetujuan responden untuk ditemubual yang dibuat melalui panggilan telefon dan seterusnya surat rasmi PZS yang dibawa ketika proses temubual dijalankan. Kaedah temubual yang digunakan ialah dengan bertemu pelanggan secara langsung sama ada di PZS sendiri, atau bertandang terus ke rumah-rumah, atau berjumpa di tempat-tempat tertentu seperti mana yang dipersetujui pada perbincangan awal dengan responden. Antara tempat yang menjadi lokasi pertemuan adalah di sekolah-sekolah, kerana mendapat permintaan responden yang terdiri daripada golongan guru dan pendidik. Di samping itu, tempat-tempat lain juga turut menjadi lokasi proses temubual dijalankan. Menurut beliau juga, kadar 'urf pada timbangan 800 gram adalah merupakan titah Tuanku Sultan setelah menolak cadangan 500 gram seperti mana kadar yang dimajukan oleh Pusat Zakat Selangor.¹⁰³

Justeru, hasil kajian lapangan mendapati bahawa terdapat lebih dari 50 peratus sampel responden yang memiliki emas perhiasan pada timbangan melebihi 500 gram, dan layak untuk dilabelkan sebagai kadar 'urf terbanyak di Selangor berdasarkan kaedah *proportional*.¹⁰⁴ Perincian peratus berdasarkan data sebenar yang direkodkan oleh PZS ialah sebanyak 32.2 peratus responden yang ditemubual memiliki emas kurang dari 500 gram, manakala 67.8 peratus responden direkodkan memiliki emas melebihi 500 gram. Mengambil kira semua sampel tersebut dan membuat analisa terhadap emas perhiasan yang dimiliki oleh responden, maka terhasilah kadar 'urf 500 gram sebagai penilaian terhadap purata pemakaian emas di Selangor. Nilai statistik adalah seperti berikut yang menggunakan *P value*¹⁰⁵ :

$$P = \frac{n}{\Sigma} X 100 \quad \text{maka nilai } P \text{ ialah}$$

$$\frac{13231952}{1952} X 100 = 67.8\%$$

¹⁰³ *Ibid.*, Norazimah Mohd Rayes.

¹⁰⁴ Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syar'ie, Pusat Zakat Selangor (2004), *Kertas Cadangan Penetapan 'Urf 2004*, op.cit.Lampiran 4, h. 2.

¹⁰⁵ *Ibid.*, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syar'ie (2004).

Perincian bagi kajian lapangan yang telah dilaksanakan oleh Pusat Zakat Selangor terhadap 1952 responden, sebagai penilaian terhadap budaya pemakaian dan pemilikan perhiasan emas di negeri Selangor, adalah melibatkan data-data yang dipaparkan seperti berikut:

Statistik Jumlah Timbangan Pemakaian Emas Di Selangor Tahun 2004

Timbangan Emas	Peratus	Bilang Responden
Kurang 100 gram	7.9%	154 orang
100 gram - 200 gram	9.4%	183 orang
200 gram - 300 gram	7.9%	154 orang
300 gram - 400 gram	11.1%	216 orang
400 gram - 500 gram	11.2%	219 orang
500 gram - 600 gram	9.4%	183 orang
600 gram - 700 gram	10.7%	209 orang
700 gram - 800 gram	12.0%	234 orang
800 gram - 900 gram	8.7%	170 orang
Lebih 900 gram	11.6%	226 orang

Sumber :Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor 2004.¹⁰⁶

METODOLOGI PENETAPAN KADAR ‘URF DI MELAKA

Kadar ‘urf di Melaka adalah berbeza dengan kadar ‘urf di Selangor dan beberapa negeri yang lain. Jabatan Mufti Melaka telah menfatwakan bahawa kadar terkini ‘urf perhiasan emas adalah sepertimana yang telah diputuskan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa yang bersidang pada tanggal 27 April 2010 (12 Jamadil Awwal 1431H). Mesyuarat bersetuju meletakkan timbangan 200 gram emas sebagai kadar ‘urf rasmi. Fatwa ini dikeluarkan bagi meminda fatwa 9(i) Warta Kerajaan Negeri

Melaka bertarikh 19 November 2009 yang menetapkan bahawa kadar ‘urf adalah sebanyak 120 gram emas.¹⁰⁷ Menurut Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Melaka,¹⁰⁸ bahawa Kadar ‘urf emas perhiasan di negeri Melaka adalah ditetapkan pada timbangan 200 gram sepertimana yang telah difatwa dan diwartakan. Beliau berpendapat, Kadar ‘urf tersebut tentulah agak berbeza dengan negeri-negeri yang lain khususnya di negeri Kelantan. Perbezaan ini disebabkan oleh adat pemakaian emas di kalangan wanita adalah berbeza di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Masyarakat Islam di Kelantan memakai emas dalam jumlah yang sangat banyak dan tidak boleh disamakan kerana faktor tujuan dan niat pemakaian di sana adalah berlainan. Di Kelantan, emas dipakai bukan atas tujuan perhiasan semata-mata, sebaliknya dipakai juga untuk tujuan perniagaan dan pusingan modal.¹⁰⁹

Mengikut kronologi sejarah, kadar ‘urf di negeri Melaka telah mengalami pindaan sebanyak 2 kali, iaitu pada tahun 2009 dan 2011. Kadar ‘urf pertama yang diperkenalkan di Melaka adalah tidak dinilaikan mengikut berat timbangan sepertimana sekarang, tetapi menggunakan nilai RM5000 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja), dengan menggunakan kaedah penolakan ‘urf. Namun, kadartersebut tidak mempunyai sebarang sumber rasmi dan tidak pernah juga difatwakan.¹¹⁰ Contoh kiraannya ialah, jika jumlah keseluruhan harga semasa perhiasan emas yang dipakai dalam tempoh *hawl* adalah sebanyak RM15,000 (Ringgit Malaysia : Lima Belas Ribu Sahaja), maka kiraan zakatnya adalah selepas menolak terlebih dahulu kadar ‘urf yang ditetapkan iaitu RM5000 (Ringgit Malaysia : Lima Ribu Sahaja), kemudian didarabkan pula dengan 2.5% kadar pengeluaran zakat. Oleh itu, baki dari jumlah tersebut sahaja yang perlu dizakatkan.¹¹¹ Kadar ini adalah ketetapan yang bukan dibuat melalui sebarang fatwa rasmi negeri dan tidak pasti selama mana ia berfungsi. Malah,

¹⁰⁷Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka 2002).

¹⁰⁸Mufti Kerajaan Negeri Melaka.Y.Bhg. Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Rashid Redza Haji Md. Saleh, Mufti Kerajaan Negeri Melaka, *op.cit.* Temubual pada 5 April 2013.

¹⁰⁹*Ibid.*

¹¹⁰Mohd Nazri Abdul Majid, Temubual 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014.

¹¹¹RM15,000 (Nilai Emas Yang Dimiliki) – RM5,000 (Kadar ‘urf) = RM10,000 – 2.5% (Kadar Zakat) = RM250 sahaja.

¹⁰⁶*Ibid.*

tidak dapat dipastikan juga apakah format yang diguna pakai oleh pihak-pihak terbabit, dan tidak dapat dipastikan juga apakah faktor yang menjadi sumber rujukan ‘urf sebagai hukum bagi mendapatkan nilaiain ini. Apa yang pasti, ia dibuat bukan berdasarkan kajian lapangan.¹¹² Setelah itu, pada tanggal 2 April 2009 bersamaan dengan 6 Rabi’ul Akhir 1430H, Jabatan Mufti Melaka melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Bil.2/2009 telah mengemukakan pula satu kertas cadangan untuk perwartaan fatwa bagi kaedah-kaedah pengiraan zakat harta negeri Melaka secara keseluruhan. Ia bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan keputusan fatwa mengenai semua perkara-perkara zakat yang disenaraikan termasuk ‘urf zakat emas perhiasan. Permohonan ini telah dibuat dan dimajukan oleh Pusat Zakat Melaka (PZM) kepada Jabatan Mufti Melaka ekoran daripada teguran Audit Negara yang menghendaki dan mencadangkan supaya semua keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka mengenai isu-isu zakat dapat diwartakan bagi menjadikannya lebih berautoriti di sudut perundangan.¹¹³ Hasil daripada mesyuarat tersebut, maka tanggal 19 November 2009, Jabatan Mufti Melaka telah mengeluarkan fatwa rasmi pertama yang menetapkan bahawa kadar ‘urf pemakaian emas bagi Negeri Melaka adalah sebanyak 120 gram, iaitu berdasarkan timbangan dan bukan nilaiain seperti sebelum ini.¹¹⁴ Pada ketika itu, tidak ada sebarang kajian yang dibuat oleh mana-mana pihak bagi menetapkan kadar tersebut sebagai ‘urf emas perhiasan di Melaka. Kadar timbangan 120 gram yang dicadangkan di dalam kertas kerja tersebut adalah berdasarkan kepada perbandingan kadar yang dibuat di antara ‘urf di Melaka (RM5000 pada ketika itu) dan JAWHAR (Jabatan Wakaf Zakat dan Haji) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Hasil dari perbandingan yang dimuatkan dalam kertas tersebut, maka pihak PZM telah mencadangkan kepada Jawatankuasa untuk menyamakan kadar ‘urf di Melaka setaraf dengan kadar yang diperkenalkan oleh JAWHAR iaitu ‘urf

¹¹²Ibid., Mohd Nazri Abdul Majid. 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014

¹¹³Kajian Semula & Cadangan Pewartaan Fatwa Kaedah Pengiraan Zakat Harta Negeri Melaka, Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, Bil. 2/2009, h. 1. *Ibid.* Mohd Nazri Abdul Majid, Temubual 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014

¹¹⁴Fatwa Di Bawah Seksyen 36, Warta Kerajaan Negeri Melaka, enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002,

yang bukan lagi dinilai berdasarkan harga, tetapi berdasarkan kepada berat timbangan emas.¹¹⁵ Kadar ‘urf yang diperkenalkan oleh JAWHAR pada ketika itu adalah sebanyak 120 gram emas.

Berdasarkan kepada kadar ‘urf dan kaedah kiraan yang ditetapkan oleh pihak JAWHAR, maka ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka telah bersetuju menerima cadangan tersebut untuk diangkat menjadi fatwa rasmi kerajaan negeri sebagai panduan kepada semua pihak dalam melaksanakan kadar tersebut di Melaka. Berikut adalah perbandingan kaedah kiraan ‘urf menurut PZM, JAWHAR dan beberapa negeri terpilih yang menjadi sandaran PZM untuk pertimbangan pihak Jawatankuasa Fatwa:¹¹⁶

Kaedah ‘Urf PZM, JAWHAR & Negeri Terpilih

INSTITUSI	EMAS YANG DIPAKAI	EMAS YANG DISIMPAN
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)	(Nilai emas – ‘urf (120gram)) X 2.5%	Nilai emas X 2.5%
Johor	(Nilai emas – ‘urf (850gram)) X 2.5%	Nilai emas X 2.5%
Selangor	Nilai emas semasa X 2.5%	Nilai emas semasa X 2.5%
Pahang	(Nilai emas – ‘urf (200 gram)) X 2.5%	Nilai emas X 2.5%
Perak	(Nilai emas – ‘urf (500 gram)) X 2.5%	Nilai emas X 2.5%
Melaka	(Nilai emas – ‘urf (RM5000)) X 2.5%	Nilai emas X 2.5%

Sumber: Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, Bil. 2/2009.¹¹⁷

¹¹⁵Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, Bil. 2/2009, *op.cit.* h. 23. Mohd Nazri Abdul Majid. *op.cit.*

¹¹⁶Ibid., Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, Bil. 2/2009, h. 57.

¹¹⁷Ibid.

Walau bagaimanapun, pada tanggal 27 April 2010 (12 Jamadil Awwal 1431H), PZM telah menghantar pula satu kertas kerja baharu kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, yang mencadangkan perubahan terhadap ‘urf emas perhiasan di negeri Melaka dengan memohon pindaan terhadap keputusan fatwa yang telah dikeluarkan sebelum ini. Kertas cadangan tersebut disediakan oleh PZM untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Fatwa ekoran dari hasil analisis data yang telah dijalankan oleh PZM mendapatkan, bahawa kadar ‘urf emas perhiasan yang ditetapkan di Melaka adalah lebih tinggi berbanding ‘urf pemakaian yang sedia ada, iaitu melebihi dari 120 gram seperti mana yang telah difatwakan.¹¹⁸ Setelah diperbincangkan dan diperhalusi di peringkat tertinggi, maka panel Jawatankuasa Fatwa telah bersetuju untuk menerima cadangan tersebut dan meluluskan kenaikan kadar ‘urf emas perhiasan di Melaka dari 120 gram kepada 200 gram.¹¹⁹ Fatwa ini telah difatwakan dan wartakan pada 6 Januari 2011.¹²⁰ Walau bagaimanapun, kajian yang dibuat oleh PZM bukan berdasarkan kajian lapangan melalui proses soal-selidik atau temubual yang dibuat terhadap budaya pemakaian emas di kalangan wanita di Melaka, sebaliknya kajian tentang ‘urf tersebut hanya menjurus kepada penilaian dan rumusan data yang dibuat oleh PZM terhadap timbangan dan jumlah pembayaran zakat emas di negeri Melaka dari tahun 2007 – 2009. Data pembayaran emas tersebut seperti mana yang dirujuk, tidak terhad kepada emas perhiasan semata-mata, tetapi merangkumi juga emas dari pelbagai kategori. Ini kerana tidak ada data khusus untuk pembayaran zakat emas perhiasan yang terdapat di PZM, kerana peratus pembayaran zakat dalam konteks tersebut adalah sedikit. Oleh yang demikian, PZM telah menyerap masuk data pembayaran zakat emas perhiasan ke dalam kategori emas-emas yang lain, dan dikumpulkan menjadi satu kategori emas sahaja. Menurut data yang diperolehi dan dikaji oleh PZM, bahawa bilangan keseluruhan pembayar zakat emas di Melaka bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2007 adalah seramai 833 orang. Purata bilangan

¹¹⁸Kertas Cadangan Meminda Keputusan Fatwa Mengenai Penetapan Kadar ‘Urf Pemakaian Emas Di Negeri Melaka dan Kaedah Pengiraannya. Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil. 2/2010. h. 1

¹¹⁹Fatwa Di Bawah Seksyen 36, Warta Kerajaan Negeri Melaka, enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.

¹²⁰Ibid., Fatwa Negeri Melaka.

yang membayar zakat emas di antara timbangan 151 gram hingga 200 gram dari bilangan pembayar tersebut dalam tempoh setahun, adalah lebih tinggi dan dominan berbanding purata timbangan yang lain. Begitu juga data yang diambil sepanjang tahun 2008 bermula 1 Januari hingga 31 Disember, dan data yang diambil dari tahun 2009 bermula 1 Januari – 31 Disember. Berdasarkan kajian tersebut, jumlah pembayar zakat emas bagi tahun 2008 adalah sebanyak 956 orang, manakala jumlah pembayar zakat emas bagi tahun 2009 adalah sebanyak 967 orang. Hasil kajian, PZM mendapatkan bahawa draf tertinggi yang melibatkan jumlah pembayar zakat emas bagi tiga tahun berturut-turut tersebut, adalah bagi kategori timbangan emas di antara 151 gram hingga 200 gram.¹²¹ Inilah data yang diambil oleh PZM sebagai mekanisme yang diguna pakai bagi memperoleh kadar ‘urf yang baharu. Data yang dikaji oleh PZM hanya melibatkan pembayar zakat emas dari dari 1 Januari 2007 hingga 31 Disember 2009 sahaja. Ini juga data yang diambil oleh PZM untuk memohon pertimbangan pihak Jawatankuasa Fatwa bagi meminda kadar ‘urf di Melaka. Tidak ada sebarang kajian lapangan sebelum dan selepas itu yang pernah dibuat oleh PZM. Pihak PZM hanya membuat kajian semata-mata data sahaja, bagi melihat dan menilai graf pembayaran zakat emas di kalangan wanita di Melaka untuk menentukan hukum. Tahun yang dikaji pula hanya terhad kepada tiga tahun sahaja (2007-2009), tidak ada lagi selepas itu kajian tentang data pembayar zakat emas yang dibuat oleh PZM, begitu juga dengan kajian-kajian ‘urf yang lain.¹²² Berikut adalah merupakan data yang dipertimbangkan oleh PZM sepanjang tahun 2007 hingga 2009 sehingga mendapat kelulusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka bagi menaikkan kadar ‘urf 120 gram kepada 200 gram. Butirannya adalah seperti berikut :

Data Pembayaran Zakat Emas (1 Januari hingga 31 Januari 2007)¹²³

PURATA	GRAM	BIL	PERATUS
	85 Ke Bawah	172	17.79
	86 – 120	122	12.62

¹²¹Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil. 2/2010. op.cit. Lampiran C. Mohd Nazri Abdul Majid. op.cit.

¹²²Mohd Nazri Abdul Majid. op.cit. Temubual 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014.

¹²³Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka Bil. 2/2010. op.cit. Lampiran C

	121 – 150	145	14.99
192	151 – 200	221	22.85
	201 – 300	175	18.10
	301 – 500	108	11.17
	501 Ke Atas	24	2.48

Sumber : Jabatan Mufti Negeri Melaka

Data Pembayaran Zakat Emas (1 Januari hingga 31 Januari 2008)¹²⁴

PURATA	GRAM	BIL	PERATUS
	85 Ke Bawah	92	9.62
	86 – 120	164	17.15
	121 – 150	162	16.95
198	151 – 200	214	22.38
	201 – 300	202	21.13
	301 – 500	101	10.56
	501 Ke Atas	21	2.20

Sumber : Jabatan Mufti Negeri Melaka

Data Pembayaran Zakat Emas (1 Januari hingga 31 Januari 2009)¹²⁵

PURATA	GRAM	BIL	PERATUS
	85 Ke Bawah	53	6.36
	86 – 120	145	17.41
	121 – 150	104	12.48
220	151 – 200	217	26.05
	201 – 300	171	20.53
	301 – 500	114	13.69
	501 Ke Atas	29	3.48

Sumber : Jabatan Mufti Negeri Melaka

Justeru, hasil daripada pertimbangan dan kajian data tersebut, maka pihak PZM telah membuat kesimpulan dan merumuskan bahawa jumlah 'urf pemakaian emas secara majoriti di Melaka adalah dalam purata 200 gram. Ini bermakna kadar 'urf 120 gram yang diperkenalkan sebelum ini tidak lagi relevan dengan realiti yang wujud terhadap majoriti pembayar zakat emas di Melaka.¹²⁶ Berdasarkan data dan maklumat tersebut, maka pihak Jawatankuasa Fatwa telah bersetuju untuk meluluskan cadangan PZM bagi meminda dan menaikkan kadar 'urf emas perhiasan di Melaka daripada 120 gram kepada 200 gram emas bersesuaian dengan 'urf semasa yang diambil dari data tersebut. Setelah diluluskan pada peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka, maka tanggal 23 Jun 2011 terbitlah pewartaan fatwa kadar 'urf emas perhiasan di Melaka pada timbangan 200

gram secara rasminya.¹²⁷

KESIMPULAN

Penentuan 'urf sesuatu tempat adalah berbeza mengikut status sosial dan corak pemakaianya, maka hukum bagi menentukan kadar tersebut adalah tergantung dan hanya boleh diputuskan berdasarkan kepada penelitian yang berhati-hati terhadap kehidupan masyarakat. Peningkatan taraf hidup dan peredaran masa yang pantas menyebabkan hukum bagi masalah ini perlukan kepada perubahan dari semasa ke semasa yang lebih mesra rakyat supaya keadilan dari sudut hukum dapat mengalir kepada semua lapisan masyarakat. Budaya yang baik di kalangan masyarakat adalah merupakan satu 'urf yang diraikan oleh syarak dan diterima menjadi hukum seligimana dapat dibuktikan sunyi dari sebarang pertentangan dengan nas. 'Urf yang baik inilah yang menjadi faktor utama kepada penentuan hukum dalam konteks mencari kadar nisab bagi zakat emas perhiasan. Kaedah ini juga membentuk kaedah al-'adat al-muhakkamah dalam ilmu qawa'id fiqhiiyyah yang sememangnya digunakan oleh ulama terdahulu bagi menjawab semua persoalan berkaitan budaya masyarakat Islam seluruh dunia. Penerimaan 'urf sebagai sumber hukum tambahan adalah bukan sahaja bertujuan menjaga kepentingan ummah semata-mata tapi dalam masa yang sama ia juga berperanan untuk menghilangkan kesulitan dan mengangkat kemudharatan yang boleh mengugat kestabilan *ummah islamiyyah*. Tanpa 'urf, tidak mungkin hukum yang ditetapkan prisis kepada realiti sebenar yang berlebar di tengah masyarakat sehingga mengakibatkan berlaku pertembungan ketara antara nas dan budaya manusia yang memberi kesan negatif kepada pembinaan hukum. Walau bagaimanapun, dalam konteks sebuah negara keseragaman adalah perkara amat perlu diutamakan bagi mengelak kecelaruan dalam masyarakat yang kurang berpengetahuan dalam soal-soal furu'. Apatah lagi budaya dan tuturan Bahasa yang sama perlu dijadikan sebagai asas dalam menetapkan kadar 'urf yang berbeza. Perbezaan kadar dalam ruang yang terkawal adalah sesuai diimplementasikan dalam sesebuah negara bagi tujuan meraikan perbezaan pandangan

¹²⁴Ibid.

¹²⁵Ibid.

¹²⁶Mohd Nazri Abdul Majid, *op.cit.*

¹²⁷Fatwa Seksyen 36, Warta Kerajaan Negeri Melaka, enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.*op.cit.*

dalam permasalahan-permasalahan yang tidak melibatkan soal dasar. Namun perlaksanaannya perlu dimuzakarahkan supaya perbezaan yang timbul antara negeri-negeri tidak melibatkan jurang yang besar sehingga mengundang imej negatif terhadap institusi-institusi agama di Malaysia. Tambahan pula, jurang perbezaan timbangan emas terhadap ‘urf yang dipraktiskan di Melaka dan Selangor melibatkan jumlah yang tinggi jika ditukarkan timbangan gram kepada nilai matawang.

RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Aziz Muhammad ‘Izam (1998), *Qawa’id al-Fiqh al-Islami, Dirasah Ilmiyyah Tabliliyyah Muqaranah*, ‘Ain Syams: Maktabah al-Risalah al-Dawliyyah, Jami’ah al-Azhar.
- ‘Abd al-Karim al-Zaydan (2004), *Al-Zakah wa Abkamuha fi al-Islam*, Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- ‘Abd al-Karim Zaydan (2001). *Al-Wajiz fi al-Usul al-Fiqh*, C. 7. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- ‘Abd al-Wahhab Khallaf (1970). *Masadir al-Tasyri’ al-Islami fi mala Nassa Fib*, C. 2. Kuwait: Dar al-Qalam.
- ‘Abd al-Wahhab Khallaf (1995) *Ilm Usul al-Fiqh*, Qahirah: Madinah Nasr, Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Abi ‘Abd Allah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni (t.t.), *Sunan Ibn Majah*. Ta’liq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Riyad : Maktabah al-Ma’arif li al-Nasyr wa al-Tawzi’.
- Abi Zakariyya Yahya Mahyu ad-Din bin Syaraf al-Nawawi al-Dimasyqi (1996), *al-Majmu’ Syarb al-Mubadhab*. C. 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abi Zakariyya Yahya Mahyu ad-Din bin Syaraf al-Nawawi al-Dimasyqi (2000), *Rawdah al-Talibin*. Tahqiq: ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Mawjud, ‘Ali Muhammad Mu’awwad, j. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abi Zakariyya Yahya Mahyu ad-Din bin Syaraf al-Nawawi al-Dimasyqi (1998), *Sabih Syarb al-Nawawi*, Qahirah : Dar al-Manar, j. 16.
- Abu Daud, Sulayman bin al-Ash‘ath al-Sajastani (t.t.), *Sunan Abi Daud*. Ta’liq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Riyad: Maktabah al-Ma’arif.
- Ahmad bin Muhammad bin Hambal (1995), *al-Musnad*. Syarh: Ahmad Muhammad Syakir. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ahmad Fahmi Abu Sunnah (2004), *al-‘Urf wa al-‘Adah fi Ra’yi al-Fuqaha’: ‘Ard Nazzariyyah Fi al-Tasyri’ al-Islami*. Misr: Dar al-Basyair.
- Ahmad Jad (2006), *Mawsu’ah fiqh al-Sunnah li al-Nisa’*, Qahirah: Dar al-Ghad al-Jadid.
- Ahmad Muhammad Zarqa’ (1989), *Syarh al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*, C. 2, Damsyik: Dar al-Qalam.
- Ahmad Nahrawi ‘Abd al-Salam (t.t.), *al-Imam al-Sufi’si fi Madhhabin al-Qadim wa al-Jadid*, Qahirah: Maktabah Syabab.
- Amidi, al-Imam ‘Ali bin Muhammad al- (2003), *al-Ihkam fi Usul al-Abkam*, C. 1, 2 j. Beirut: Dar Ibn Hizam.
- Ansari, Abi ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al- (1994), *al-Jami’ li Abkam al-Quran*. Ta’liq: Muhammad Ibrahim al-Hanafawi. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Bukhari, Abi ‘Abd Allah Muhammad bin Isma’il al- (1400H), *al-Jami’ al-Sahih, al-Musnad Hadith Rasul allah saw wa Sunanib wa Ayyamib*, Tahqiq: Muhib al-Din al-Khatib, Qahirah: al-Maktabah al-Salfiyyah.
- Bukhari, Muhammad bin Isma’il bin Ibrahim bin al-Mughirah bin Bardizbah al- (1998), *Sabih al-Bukhari*, Tahqiq: Taha ‘Abd al-Rawuf Sa‘ad, Mansurah: Maktabah al-Iman.
- Buti, Muhammad Sa’id Ramadan al- (1966), *Dawabit al-Maslahah fi al-Syari’ah al-Islamiyyah*, Damsyik: al-Maktabah al-Umawiyyah.
- Daraqutni, al-Imam al-Hafiz ‘Ali bin ‘Umar al- (1996), *Sunan al-Daraqutni*. Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah.
- Dimyati al- (t.t.), *Panah al-Talibin*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Faruq Ahmad Abu Dunya (1999), *Muhadharat Fi Usul Al-Fiqh*, Damanhur: al-Azhar.
- Ghazali al- (1356H), *al-Mustasfa min Ilm al-usul*, C. 2.
- Ibn Manzur, Jamal al-din Muhammad (1990), *Lisan al-‘Arab*. Beirut, Dar al-Fikr.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2006) *Tilm al-Muwaqqi’in ‘an Rab al-‘Alamin*, Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Rusyd al-Qurtubi, Abi al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad

- (2006), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Tahqiq: Haytham Jum'ah Hilal, Beirut: Muassasah al-Ma'arif.
- Ibn. Qudamah (1997), *al-Mughni*, Tahqiq: 'Abd Allah 'Abd al-Muhsin al-Turki 'Abd al-Fattah Muhammad, C. 3. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Ibrahim Anis (1972), *al-Mu'jam al-Wasit*, Qahirah.
- Jad al-Haq 'Ali Jad al-Haq (2005), *al-Fatawa al-Islamiyyah*, C. 1. Qahirah: Dar al-Faruq li al-Nasyr wa al-tawzi'.
- Jaziri, 'Abd al-Rahman bin Muhammad 'Aus al- (1999), *Kitab al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah*, Tahqiq: Kamal al-Jamal et al., C. 1. Mansurah: Maktabah al-Iman.
- Muhammad Abu Zuhrah (2003), *Usul al-Fiqh*, Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*, Dewan Bahasa & Pustaka, KL.
- Mahmud 'Abd allah al-'Ukazi (1996), *Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyah*, Qahirah: Jami'ah al-Azhar.
- Malik bin Anas (1985), *al-Muwatta'*, Ta'liq : Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Muhammad al-Khadari (1968), *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*, Qahirah: Dar al-Fikr.
- Muhammad al-Khadari (2000), *Usul al-Fiqh*, Tahqiq, Khayri Sa'id, Qahirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Muhammad Bakr Isma'il (t.t.), *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah Bayna al-Isalah wa al-Tanjih*, Qahirah : Dar al-Manar.
- Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi (2007), *al-Mu'jam al-Mufarras li al-Alfaz al-Quran al-Karim bi Hasyiah al-Mushaf al-Syarif*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Sidqi Ahmad (2002), *al-Wajiz fi Idah Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyah*, C. 5. Beirut: al-Risalah al- 'Alamiyyah.
- Muhammad Sulayman al-Asyqar (2004), *Abhath Fiqhiiyah fi Qadaya al-Zakah al-Mu'asirah*, 2 j. Jordan: Dar al-Nafais.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha, 'Ali al-Syarbaji (1992), *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*, C. 4. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Qaradawi, Yusuf al- (1980), *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*, C. 13. Qahirah: al-Maktab al-Islami.
- Qaradawi, Yusuf al- (1992), *'Awamil al-Su'ah wa al-Murunah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Qahirah: Dar al-Sahwah li al-Nasyr.
- Qaradawi, Yusuf al (1996), *Fi Fiqh al-Awla'iyyat*, Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Qaradawi, Yusuf al- (1997), *al-Sahwah al-Islamiyyah wa Humum al-Watan al-'Arabi al-Islami*, Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Qaradawi, Yusuf al- (2000), *Fiqh al-Zakah, Dirasat Muqaranah li Abkamiba wa Falsafatiba fi Dan'i al-Quran wa al-Sunnah*, C. 24, 2 j. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Qarrafi, Syihab al-Din Abu al-'Abbas Ahmad Idris al- (t.t.) *Syarh Tanqib al-Fusul fi Ikhtisar al-Mabsul fi al-Usul*. Tahqiq: Taha 'Abd al-Rauf, Qahirah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah.
- Rifa'ah Fawzi 'Abd al-Mutallib (2001), *al-Umm li al-Imam Mubammad Idris al-Syafi'i*, C. 1. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Salih Ghanim al-Sadalan (1417H), *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kubra wa ma Tafarra'a 'anha*, C. 1. Riyad: Dar al-Balansiyyah.
- Syatibi, Ibrahim Musa al- (2005), *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*, C. 7, 4 j. Beirut: Dar al-Kutub al-Diniyyah.
- Syawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al- (1999), Nayl al-Awtar, Syarh Muntaqi al-Akhyar min Ahadith Sayyid al-Akhyar, Tahqiq: Kamal al-Jamal et al., C. 1, 8 j. Mansurah: Dar al-Iman.
- Syirazi, Abi Ishaq al- (1992), al-Muhadhzab, Damsyik : Dar al-Qalam.
- Suyuti, al-Imam Jalal al-Din 'Abd Rahman bin Abi Bakr al-(1998), al-Asybah wa al-Naza'ir fi qawa'id wa furu' fiqh al-Syafi'iyyah, C. 1, 2 j. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.
- Tirmizi, al-Imam al-Hafiz Muhammad bin 'Isa bin Surah al- (1417H.) Sunan al-Tirmizi, Ta'liq: Muhammad Nasir al-Din al-Albani, Riyad : Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Zayn al-'Abidin Ibrahim (1985), Syarh Ahmad Ibn Muhammad al-Hamawi, Ghamz 'Uyun al-Basa'ir Syarh Kitab al-Asybah wa al-Naza'ir, C. 1. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.
- Zarqa', Mustafa Ahmad al- (1978), al-Madkhali al-Fiqh al-'Amm, Damsyik: Dar al-Fikr.

Zarqa', Syaikh Ahmad bin Syaikh Muhammad al- (2012), Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah, bi qalam Mustafa Ahmad Zarqa' (Ibn Muallif), c. 2. Damsyik: Dar al-Qalam.

Zuhayli, Wahbah al- (1985), al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, C. 2. Damsyik: Dar al-Fikr.

Zuhayli, Wahbah al- (2012), Mawsu'ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadaya al-Mu'asirah. Damsyik : Dar al-Fikr.

PENYELIDIKAN DAN TESIS

Jawatankuasa Kajian 'Urf Emas Pakai Negeri Pahang (2008), "Laporan Penetapan 'Urf Emas Pakai Negeri Pahang Darul Makmur" (Diketuai Halidan Md Daud, Pengurus Besar Pusat Kutipan Zakat Pahang 2008).

Nihaya Rabii (2000), "Ahkam al-Hulli fi al-Fiqh al-Islami" Jordan : (Tesis Master, University Of Jordan).

Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syar'ie (2004), Pusat Zakat Selangor (PZS), Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf emas Perhiasan Di Negeri Selangor Tahun 2004,

Zulkifli Mohamad al-Bakri, Nor Azmi Musa, Mohamad Idris Ramli, Wan Abdul Fattah Wan Ismail (2009), Penentuan 'Urf Pemakaian Emas Wanita Islam Di Negeri Sembilan, Universiti Sains Islam Malaysia, Perpustakaan USIM.

INTERNET

Enakmen 4, Tahun 2006 (Enakmen Pentadbiran Agama Islam) Seksyen 54. "Sumber Yang Hendaklah Diikuti", <http://www2.esyariah.gov.my>, 30 November 2013.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Negeri, "Bidang Kuasa Majlis Agama Islam Negeri", <http://www2.esyariah.gov.my>.1 Disember 2013.

Jabatan Haji, Wakaf dan Zakat (JAWHAR), "Bengkel Kumpulan Fokus Kadar Uruf Pemakaian Emas", <http://www.jawhar.gov.my>, 6 Oktober 2014.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), "Kadar 'Urf Emas Perhiasan di Negeri Selangor", <http://www.e-fatwa.gov.my>.20 Oktober 2012.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), "Kajian Semula Mengenai Penetapan Kadar 'Urf Emas Perhiasan di Negeri Melaka dan Kaedah Pengiraannya", <http://www.e-fatwa.gov.my>. 15 November 2012.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), "Penetapan Semula Kadar 'Urf Pemakaian Emas di Negeri Melaka dan Kaedah Pengiraan Zakat Atasnya", <http://www.e-fatwa.gov.my>. 15 November 2012.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), "Nilai Emas Yang Boleh Dihukum Pakaian", <http://www.e-fatwa.gov.my>.1 Disember 2013.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), "<http://www.e-zakat.com.my>", 29 Mac 2014.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), "Warta Kerajaan Negeri Selangor, Fatwa di bawah Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003", <http://www.e-zakat.com.my>, 23 Jun 2005.

Pusat Zakat Melaka (PZM) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), "Kadar 'Urf Emas Perhiasan", 16 November 2014, <http://www.izakat.com>

TEMUBUAL

Y. Bhg. Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Rashid Redza Haji Md. Saleh, Mufti Kerajaan Negeri Melaka, Temubual pada 5 April 2013.

Fariz Abdul Razak, Eksekutif Penyelidikan Syariah, Lembaga Zakat Selangor. Shah Alam, Temubual 20 Jun 2013.

Abdullah Ahmad Senin, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor. Temubual 11 Mac 2014.

Mohd Nazri Abdul Majid, Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Buhuth, Jabatan Mufti Melaka. Temubual 11 Jun 2013 & 19 Mac 2014.

Norazimah Mohd Rayes, Eksekutif Perancangan Strategik, Sektor Perancangan Korporat, Lembaga zakat Selangor (MAIS), Temubual pada 17 November 2014.